Hujung Minggu
قليتا بروني
PELITA BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"SEMBAHYANG fardu lima waktu, sembahyang Jumaat ke Jumaat berikutnya dan Ramadan ke Ramadan berikutnya menghapuskan dosa-dosa yang dilakukan antara masa tersebut seandainya dosa-dosa besar dijauhkannya".
- Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, riwayat Muslim dari Abu Hurairah Radiallahuanhu.

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.36 | SUBUH 4.46 | SYURUK 6.06 | DUHA 6.29 | ZUHUR 12.05 | ASAR 3.26 | MAGHRIB 6.02 | ISYAK 7.13
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 67 BILANGAN 133 | 5 NOVEMBER 2022 / 1444 ربيع الأخير 10 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA



إستعادة ڤركهوينن دراج

يغترأمة مليا ڤادك سري ڤغيران أنق ڤتري عظيمة نعمة البلقيه
بنت كباوه دولي يغمها مليا ڤادك سري بݢندا
سلطان حاج حسن البلقيه معزالدين والدولة،
دي . كي . عيم . بي .، ڤي . إيج . بي . إيس .
دغن
يغأمة مليا ڤغيران مودا بحر
ابن دولي يغترأمة مليا ڤادك سري ڤغيران دݢادوڠ
صاحب المال ڤغيران مودا حاج جفري بلقيه



IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

## Berita Utama




KUKUHKAN peranan ACMM bantu program perubatan ketenteraan

Muka 8




LIBATKAN graduan TVET dalam inisiatif pendigitalan

Muka 17




MENGENANG jasa peladang, petani, penternak, nelayan

Muka 20




*"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahasbunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.*

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

# ISTIADAT PERKAHWINAN DIRAJA

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 3 November. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertua Negara Brunei Darussalam, dengan ini Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara memaklumkan bahawa insyaaAllah dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan mengadakan Istiadat Perkahwinan Diraja bagi paduka anakanda baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

>> Muka 3

## Kibar bendera sempena Majlis Istiadat Perkahwinan Diraja

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 3 November. - Sehubungan dengan Majlis Istiadat Perkahwinan Diraja, seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam adalah dikehendaki mengibarkan bendera seperti lazimnya mulai Gendang Jaga-Jaga dibuka pada Isnin, 16 Jamadilakhir 1444 bersamaan 9 Januari 2023 hingga Gendang Jaga-Jaga ditutup, pada Selasa, 24 Jamadilakhir 1444 bersamaan 17 Januari 2023.

## Anugerah Khas iktiraf, hargai usaha, sumbangan

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

**BERAKAS**, Khamis, 3 November. - Sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan (HPPPN) Ke-12 adalah sebagai memberikan pengiktirafan ke atas usaha-usaha dan sumbangan para peladang, petani, penternak dan nelayan dalam menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara dan sebagai penjana makanan negara.

Sehubungan itu, beberapa Anugerah Khas dalam Sektor Pertanian dan Perikanan telah diberikan kepada para peladang, petani, penternak dan nelayan pada Majlis Perasmian HPPPN Ke-12 yang berlangsung di Dewan Muhibbah, Lapangan Terbang Lama, Berakas, di sini.

Penyampaian Anugerah-anugerah Khas tersebut disempurnakan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Penerima Anugerah Khas Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan yang berdaya maju (Sektor Pertanian) diberikan kepada Syarikat Gropoint Sdn. Bhd. pula menerima Anugerah Khas Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan menembusi pasaran eksport (Sektor Pertanian).

>> Muka 4

## Doa Kesyukuran sempena Jubli Emas Jabatan Perancang Bandar dan Desa

Siaran Akhbar : Jabatan Perancang Bandar dan Desa

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 3 November. - Kepentingan menghormati hak berjiran dalam merancang atau menyelaras kemajuan melalui pematuhan undang undang dan piawaian perancangan yang bertujuan untuk mewujudkan satu persekitaran yang kondusif bagi menjana keharmonian hidup bermasyarakat merupakan antara initi pati Ceramah Khas pada Majlis Doa Kesyukuran bersempena Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Penubuhan Jabatan Perancang Bandar dan Desa yang diadakan di Masjid Ash-Shaliheen, Jabatan Perdana Menteri, di sini.

>> Muka 5

PELITA BRUNEI

# Kardiovaskular punca utama kematian di NBD



**MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar berucap semasa Persidangan Kardiologi 2022 sempena Ulang Tahun Penubuhan Ke-20 Gleneagles Pusat Perubatan Jerudong Park (GJPMC) sempena Mesyuarat Saintifik Tahunan Ke-9 bagi Persatuan Jantung Brunei Darussalam yang berlangsung di GJPMC, pada 11 September 2022**

**Terjemahan oleh :**
**Hajah Apsah Haji Shadan**

**Bismillahir Rahmanir Rahim**
**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera**

**ALHAMDULILLAH**, saya amat berbesar hati untuk berada di sini bersama awda pagi ini di Persidangan Kardiologi 2022 sempena Ulang Tahun Penubuhan Ke-20 Gleneagles Pusat Perubatan Jerudong Park (GJPMC) sempena Mesyuarat Saintifik Tahunan Ke-9 bagi Persatuan Jantung Brunei Darussalam. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada jawatankuasa penganjur kerana menjemput saya ke majlis istimewa ini dan ucapan selamat datang kepada semua penceramah, rakan sekerja dan tetamu yang dihormati. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Persatuan Jantung Brunei Darussalam dan semua penaja dalam menyumbang kepada kejayaan penganjuran acara ini. Harapan saya agar semua mendapat manfaat yang besar daripada kekayaan ilmu dan pengalaman yang dikongsikan oleh penceramah pada hari ini.

Tahun ini kita menyambut Ulang Tahun Penubuhan Ke-20 GJPMC. Tema persidangan hari ini ialah Kardiologi di Asia dan 20 tahun GJPMC. Sehubungan dengan itu, izinkan saya menyentuh apa pencapaian GJPMC dan sumbangan mereka terhadap kardiologi dan penjagaan kesihatan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Pada awal tahun 2000, sebelum penubuhan GJPMC, penyakit kardiovaskular merupakan punca utama kematian di Negara Brunei Darussalam dan menjadi visi Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk membina Pusat Jantung bertaraf dunia bagi menangani keperluan penjagaan kesihatan bagi rakyat NBD. Oleh itu, usaha sama antara Parkway Healthcare Ltd. dan Kerajaan Brunei Darussalam, yang diwakili oleh GJPMC telah dilaksanakan pada 15 Julai 2002.

Daripada perasmiannya pada tahun 2002, GJPMC berkembang pesat dan telah mencapai pelbagai perkhidmatan jantung *tertiary*, sambil membina kemudahan terkini dan penjagaan jantung, mengukuhkannya sebagai salah satu pusat jantung terbaik di Borneo dan di rantau ini.

Menjelang 21 Feb 2003, angiogram koronari pertama dilaksanakan dan pada 10 Mei 2003, pembedahan jantung terbuka pertama dilakukan diikuti pada hari berikutnya, dengan Intervensi Koronari Perkutaneus yang pertama. Sehingga 2021, GJPMC telah melakukan sejumlah lebih daripada 16,000 angiogram (secara purata 859 setiap tahun), lebih daripada 9000 Intervensi Koronari Perkutaneus (secara purata 483 setiap tahun) dan 2,959 pembedahan jantung (secara purata 156 setiap tahun). Selain daripada perkhidmatan asas ini, GJPMC juga mula melakukan prosedur yang kompleks seperti penutupan *transcatheter* PDA dan ASD, ablasi elektrofisiologi, dan rawatan komprehensif lain, antaranya seperti Watchman Device and Transcatheter Aortic Valve Implantation.

Dalam tempoh 20 tahun yang lalu, GJPMC telah mencapai banyak pencapaian yang luar biasa, saya ingin menyebutkan beberapa di sini, termasuk pengenalan program Extra Corporeal Membrane Oxygenator atau ECMO pada tahun 2010 yang sejak pelaksanaannya telah menyelamatkan banyak nyawa termasuk pesakit yang sakit semasa pandemik COVID-19 baru-baru ini; pengenalan sistem CARTO *electrophysiological mapping* pertama untuk ablasi kompleks yang merupakan sistem pertama di Borneo dan salah satu sistem pertama di rantau ini pada Mei 2013; dan pada 11 November 2014, GJPMC berjaya melaksanakan kes pertama implantasi LVAD di Negara Brunei Darussalam dan Borneo. Ini adalah salah satu kes pertama yang berjaya di ASEAN dan sehingga hari ini, terus menjadi salah satu daripada beberapa hospital di rantau ini yang mempunyai keupayaan ini. Untuk memantau dan mengekalkan kualiti penjagaan mereka kepada pesakitnya, GJPMC juga berjaya memperoleh Akreditasi JCI pada Oktober 2020, satu lagi pencapaian yang boleh dibanggakan.

Di samping menuju ke arah kecemerlangan klinikal, GJPMC juga telah melabur dalam bidang pendidikan dan meningkatkan profil negara dan hospital, sambil menyumbang ke arah pembangunan kepakaran klinikal dan kualiti kepimpinan, dalam kalangan warga tempatan dan profesional kesihatan antarabangsa. Antara lain, GJPMC telah memulakan program latihan persahabatan untuk doktor pakar yang mana empat doktor dari ASEAN berpeluang menjalani latihan subkepakaran mereka di sini.

Dari segi perkembangan kejururawatan dan profesional kesihatan bersekutu, GJPMC telah menaja kedua-dua kakitangan tempatan dan antarabangsa, untuk menghadiri pelbagai kursus dan program di luar negara, termasuk ke Institut Jantung Negara (IJN) dan Politeknik Nanyang di Singapura. Sejak bertahun-tahun kebelakangan, GJPMC juga berusaha untuk menempatkan kakitangan tempatan dalam menyokong operasinya dengan lebih baik, yang mana pada masa ini, 60 peratus kakitangannya adalah warga Brunei.

**>> Muka 7**

## WAKTU SEMBAHYANG

| NOVEMBER MASIHI | HARI | RABIULAKHIR HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 5 | SABTU | 10 | 4.36 | 4.46 | 6.06 | 6.29 | 12.05 | 3.26 | 6.02 | 7.13 |
| 6 | AHAD | 11 | 4.36 | 4.46 | 6.06 | 6.29 | 12.05 | 3.26 | 6.02 | 7.13 |
| 7 | ISNIN | 12 | 4.36 | 4.46 | 6.06 | 6.29 | 12.05 | 3.26 | 6.02 | 7.13 |
| 8 | SELASA | 13 | 4.36 | 4.46 | 6.06 | 6.29 | 12.05 | 3.26 | 6.02 | 7.13 |
| 9 | RABU | 14 | 4.36 | 4.46 | 6.06 | 6.30 | 12.05 | 3.26 | 6.02 | 7.13 |
| 10 | KHAMIS | 15 | 4.36 | 4.46 | 6.07 | 6.30 | 12.05 | 3.26 | 6.02 | 7.14 |
| 11 | JUMAAT | 16 | 4.36 | 4.46 | 6.07 | 6.30 | 12.05 | 3.26 | 6.02 | 7.14 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | SABTU | AHAD | ISNIN |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 31 / 24 °C | 33 / 24 °C | 33 / 25 °C |
| Pekan Bangar | 31 / 24 °C | 32 / 24 °C | 32 / 24 °C |
| Pekan Tutong | 31 / 24 °C | 31 / 24 °C | 31 / 24 °C |
| Kuala Belait | 30 / 24 °C | 31 / 24 °C | 31 / 24 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 5 NOVEMBER 2022

### Beri perhatian dan hormati ibu bapa, warga emas

**SIKAP** hormat-menghormati perlu disemai sejak dari kecil, lebih-lebih lagi dalam menghormati dan berbuat baik kepada ibu bapa, orang tua atau warga emas sama ada yang mempunyai hubungan kekeluargaan ataupun tidak.

Perkara ini juga turut ditekankan dalam agama Islam seperti mana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menerusi riwayat Al-Imam At-Tirmidzi daripada Anas bin Malik katanya: Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : *"Tiada seorang pemuda yang menghormati dan memuliakan seseorang yang tua usianya, melainkan Allah akan menentukan baginya orang lain yang akan menghormati kelak apabila ia pula mencapai usia tua"*.

Dalam hal ini, adalah tanggungjawab anak-anak untuk memberikan perhatian dan kasih sayang kepada ibu bapa atau orang tua *kitani*. Janganlah sesekali mereka ini diabaikan dan disisihkan. Warga emas tidak sepatutnya dianggap sebagai satu beban dan diabaikan kebajikannya. Tiada apa yang lebih bermakna untuk diberikan kepada mereka dalam meniti usia lanjut selain mendapat perhatian dan kasih sayang daripada anak-anak dan cucu-cucu mereka.

Alhamdulillah, di negara kita, pihak kerajaan juga telah memberikan perhatian, pemedulian dan menghargai warga emas dengan menjaga kebajikan mereka agar menjadi warga yang sihat bergiat aktif serta dapat meneruskan sumbangan kepada pembangunan agama, bangsa dan negara. Atas sumbangan dan bakti mereka itu, maka lahirlah generasi berwawasan masa kini yang menjadi penerus kepada pembangunan masyarakat, bangsa, agama dan negara.

Selain memberi kasih sayang dan perhatian terhadap ibu bapa atau orang tua, anak-anak wajib berlaku sopan dan hormat. Janganlah bercakap kasar apatah lagi meninggikan suara dan hendaklah memanggil mereka dengan perlahan, suara yang lemah lembut dan panggilan yang menyenangkan serta menggembirakan hati mereka. Janganlah sesekali *kitani* mengabaikan dan membiarkan mereka tinggal bersendirian apatah lagi dalam keadaan uzur. Perlu diingat bahawa pengabaian itu adalah salah satu perbuatan derhaka terhadap ibu bapa yang patut kita hindari. Sentiasalah kita mendoakan kesihatan, kebaikan, keampunan dan kerahmatan untuk kedua-duanya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Israa', ayat 42 : *"Dan hendaklah engkau merendah diri dengan kasih sayang dan berdoalah untuk keduanya. Ya Tuhan! Kurniakanlah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah memelihara dan mendidikku semasa kecil lagi"*.

Oleh itu, sebelum mengakhiri Sidang Pengarang ini, sama-samalah *kitani* saling ingati-mengingati agar sentiasa memberi perhatian dan kasih sayang terhadap ibu bapa dan warga emas. Janganlah mengabaikan dan mensia-siakan hidup mereka. Berikanlah mereka kehidupan yang sempurna, selamat dan sejahtera. Semoga mereka akan sentiasa mendapat keampunan dan perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin*. - **Ketua Penyuntingan (Rd)**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نݢارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Istiadat Perkahwinan Diraja

>> Muka 1

Majlis-majlis bagi Istiadat Perkahwinan Diraja ini akan dimulai dengan Majlis Istiadat Bersuruh Diraja yang akan diadakan pada Ahad, 15 Jamadilakhir 1444 bersamaan 8 Januari 2023, diikuti dengan Majlis Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga dan Majlis Istiadat Menjunjung Kurnia Gendang Jaga-Jaga, yang akan diadakan pada Isnin, 16 Jamadilakhir 1444 bersamaan 9 Januari 2023.

Sementara itu, Majlis Istiadat Menghantar Tanda Diraja dan Pertunangan Diraja juga Majlis Istiadat Menerima Tanda Diraja dan Pertunangan Diraja akan diadakan pada Selasa, 17 Jamadilakhir 1444 bersamaan 10 Januari 2023.

Majlis Istiadat Berbedak Pengantin Diraja akan diadakan pada Rabu, malam Khamis, 19 Jamadilakhir 1444 bersamaan 11 Januari 2023.

Majlis Istiadat Akad Nikah Diraja akan diadakan pada Khamis, 19 Jamadilakhir 1444 bersamaan 12 Januari 2023.

Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja akan diadakan pada Ahad, 22 Jamadilakhir 1444 bersamaan 15 Januari 2023.

Majlis Persantapan Diraja akan diadakan pada Isnin, malam Selasa, 24 Jamadilakhir 1444 bersamaan 16 Januari 2023 manakala Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga akan diadakan pada Selasa, 24 Jamadilakhir 1444 bersamaan 17 Januari 2023.




# 10.9 PERATUS PENDUDUK LENGKAP 4 DOS VAKSIN

**Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis**
**Infografik : Kementerian Kesihatan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 4 November. - Sebanyak 435 kes disahkan sembuh, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembuh meningkat kepada 238,244.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan hari ini, tidak ada kes dilaporkan sedang berada dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

Dalam masa yang sama, tidak ada kes turut dilaporkan dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Setakat 4 November 2022, Program Vaksinasi masih kekal di tahap yang tinggi, iaitu sebanyak 86.3 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin manakala sebanyak 61.7 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun telah menerima tiga dos vaksin.

Sementara itu, sebanyak 78.6 peratus rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan tiga dos vaksin dan 10.9 peratus telah menerima empat dos vaksin COVID-19.

# COVID-19 : 510 kes disahkan sembuh

**Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 3 November. - Sebanyak 510 kes disahkan sembuh, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembuh meningkat kepada 237,809.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan hari ini, sebanyak tiga kes dilaporkan sedang berada dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi; sementara tidak ada kes dilaporkan dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Setakat 3 November 2022, Program Vaksinasi masih kekal di tahap yang tinggi, iaitu sebanyak 86.3 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin manakala sebanyak 61.7 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun telah menerima tiga dos vaksin.

Sementara itu, sebanyak 78.6 peratus rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan tiga dos vaksin dan 10.9 peratus telah menerima empat dos vaksin COVID-19.

# Tidak ada kes dalam Kategori 5

**Oleh : Khartini Hamir**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 2 November. - Sebanyak empat kes dicatatkan berada di dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

Manakala tidak ada kes dicatatkan hari ini berada di dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan, sebanyak 473 kes disahkan sembuh yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembuh meningkat kepada 237,299.

Bagi Program Vaksinasi pula setakat hari ini, sebanyak 86.3 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin dan sebanyak 61.7 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun menerima tiga dos vaksin.

Manakala sebanyak 78.6 peratus rakyat dan penduduk negara ini mendapatkan tiga dos vaksin dan 10.8 peratus menerima empat dos vaksin COVID-19.



# PENGELUARAN SEKTOR PERTANIAN, PERIKANAN, AGRIMAKANAN DIPERTINGKAT

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BERAKAS**, Khamis, 3 November. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) menyasarkan untuk meningkatkan sumbangan pengeluaran dalam Sektor Pertanian, Perikanan dan Agrimakanan kepada BND1 bilion menjelang 2035.

Dalam usaha untuk meningkatkan sumbangan pengeluaran berkenaan, KSSUP memberi tumpuan kepada meningkatkan pengeluaran sektor utama dan hiliran.

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin menjelaskan demikian semasa ditemui pihak media pada Majlis Perasmian Mini Ekspo Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan (HPPPN) Ke-12 di Dewan Muhibbah, Lapangan Terbang Lama, Berakas.

Menurut Yang Berhormat, strategi-strategi yang dilaksanakan bukan sahaja membuka ladang, malah meningkatkan produktiviti ladang masa ini iaitu dengan menggalakkan penggunaan teknologi.

"InsyaaAllah, kita cuba mensasarkan bukan sahaja untuk 2035, tetapi lebih awal. Itulah sasaran kami, untuk memberikan impak yang besar kepada ekonomi Brunei," jelas Yang Berhormat.

Dengan sokongan dari KSSUP, tambah Yang Berhormat dan juga peladang-peladang, nelayan dan penternak di mana mereka adalah mustahak dalam menjayakan aspirasi kementerian dan juga negara, ke arah menjamin sekuriti makanan negara dan mencapai BND1 bilion Keluaran Dalam Negara Kasar pada 2035.

Majlis Perasmian Sambutan HPPPN Ke-12 tersebut turut menyaksikan penyampaian Anugerah Khas bagi para peladang, petani, penternak dan nelayan yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Terdahulu, Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab dalam ucapan alu-aluannya pada majlis tersebut berkata, pada tahun 2021, pencapaian keluaran kasar hasil Sektor Pertanian, Perikanan dan Agrimakanan di negara ini telah menunjukkan peningkatan dari segi metrik tan dan juga nilai.

Nilai keluaran kasar bagi Industri Pertanian yang merangkumi Industri Ternakan, Tanaman dan Padi meningkat sebanyak 32.12 peratus iaitu dari BND320.63 juta pada tahun 2020 kepada BND423.62 juta pada tahun 2021.

Jelasnya, bagi Industri Perikanan nilai keluaran kasar telah meningkat sebanyak 37.7 peratus iaitu dari BND139.05 juta pada tahun 2020 kepada BND190.95 juta pada tahun 2021.

Manakala bagi Industri Agrimakanan nilai keluaran kasar meningkat sebanyak 10.96 peratus iaitu dari BND150.23 juta pada tahun 2020 kepada BND166.69 juta pada tahun 2021.

Dayang Hajah Tutiaty menyatakan, Mini Ekspo yang diadakan tersebut dihasrat untuk mengeratkan kerjasama antara sektor-sektor swasta dan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam menerokai dan memperkembangkan pasaran tempatan dan juga pasaran eksport komoditi pertanian, perikanan dan agrimakanan.

"Saya berharap agar Mini Ekspo ini akan dapat dimanfaatkan oleh pengusaha-pengusaha dengan mengambil peluang untuk menjalankan *business matching* sesama pengusaha yang lain dan juga dengan agensi-agensi yang berkepentingan," jelasnya.

Sambutan HPPPN Ke-12 ini juga diadakan bagi memberikan pengiktirafan ke atas usaha-usaha dan sumbangan para peladang, petani, penternak dan nelayan dalam menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara dan sebagai penjana makanan negara.

Tema sambutan pada tahun ini memberi tumpuan kepada meningkatkan pengeluaran tempatan melalui produk tambah nilai iaitu 'Memperkasa Produk Tambah Nilai, Pemacu Ekonomi Negara'.

Ini adalah bagi menghayati tema berkenaan dalam mengambil kira keperluan makanan negara adalah terjamin dengan adanya usaha-usaha pengeluaran makanan tempatan.

Sambutan tersebut diikuti dengan acara pameran oleh agensi-agensi berkenaan yang bekerjasama dan mendukung sektor pertanian serta Sektor Perikanan.

Selain tu, jualan produk pertanian, perikanan dan agrimakanan oleh para peladang, petani, penternak dan nelayan serta pengusaha agrimakanan dari kesemua daerah turut diadakan semasa acara tersebut.

Sepanjang acara ini diadakan beberapa program dan aktiviti juga dijalankan seperti seminar yang disampaikan oleh pengusaha-pengusaha pertanian dan perikanan, *business matching* dari beberapa buah syarikat yang dijemput serta memperagakan (demonstrasi) produk pertanian dan perikanan seperti pembuatan keropok udang, keropok lekor dan telur masin.

Seramai 48 pengusaha dan peladang menyertai petak jualan yang terdiri daripada 28 pengusaha daripada Industri Tanaman, 18 daripada Industri Agrimakanan dan dua syarikat daripada Industri Ternakan.

Manakala penjualan produk hasil-hasil Industri Perikanan pula disertai oleh seramai satu pengusaha dari industri tangkapan ikan, tiga pengusaha dari Industri Akuakultur dan 17 pengusaha dari Industri Pemprosesan Makanan Laut.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap di KSSUP, ketua-ketua jabatan, pegawai dan kakitangan KSSUP serta jabatan-jabatan di bawahnya.

Juga dijemput hadir ialah para peladang, petani, penternak dan nelayan serta para pengusaha agrimakanan di seluruh negara.

Sementara itu, pertandingan juga dibukakan kepada orang awam bagi menarik minat dan memperkembangkan Industri Pertanian dan Perikanan.

Di antara pertandingan yang diadakan adalah Kategori Tanaman iaitu sayur, buah, pelbagai tanaman dan florikultur (bunga hiasan) dan Kategori Komoditi iaitu keropok udang tempatan dan ikan hiasan spesies betta.

Mini Ekspo HPPPN dibukakan bagi kunjungan orang ramai sehingga 6 November 2022 ini bermula jam 8.00 pagi hingga 5.30 petang kecuali Jumaat ditutup pada jam 11.30 pagi hingga 2.30 petang bertempat di Dewan Muhibbah, Lapangan Terbang Lama, Berakas.





**YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan merasmikan Mini Ekspo Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan (HPPPN) Ke-12 di Dewan Muhibbah, Lapangan Terbang Lama, Berakas (kiri). Manakala gambar kanan, Yang Berhormat semasa ditemui pihak media.**

# Anugerah Khas iktiraf, hargai usaha, sumbangan

**>> Muka 1**

Anugerah Khas Pengusaha Padi Berjaya (Sektor Pertanian) pula diterima oleh Awang Haji Mohd. Sahlan bin Hidup.

Sementara itu, Syarikat PDS Abattoir Sdn. Bhd. dipilih sebagai penerima Anugerah Khas Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan (Sektor Pemprosesan Agrimakanan) dan Syarikat KN Nursery pula menerima Anugerah Khas (Industri Spin-Off) bagi Sektor Pertanian.

Turut menerima ialah Syarikat Mori Enterprise, selaku penerima Anugerah Khas Belia Harapan (Sektor Pertanian).

Dalam Sektor Perikanan pula, penerima Anugerah Khas Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan yang berdaya maju diberikan kepada Syarikat Gemilang Seri Sdn. Bhd manakala Anugerah Khas Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan Menembusi pasaran eksport pula diraih oleh Golden Corporation Sdn. Bhd.

Bagi Sektor Pemprosesan Agromakanan Perikanan, Anugerah Khas Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan diberikan kepada Marimin Sdn. Bhd.

Sementara itu, Anugerah Khas Belia Harapan diterima oleh Sahamada Corporation Sdn. Bhd. dan Anugerah Khas Penternak dan Nelayan Berjaya (Tempatan) diberikan kepada Awang Haji Sahron bin Haji Omar.






**YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menyampaikan Anugerah Khas kepada salah seorang penerima (kiri), manakala gambar kanan, Yang Berhormat melawat Mini Pameran.**

# Doa Kesyukuran sempena Jubli Emas Jabatan Perancang Bandar dan Desa



YANG Berhormat Menteri Pembangunan semasa mendengarkan Ceramah Khas yang disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, dari Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Yusof bin Haji Abd. Majid.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perancang Bandar dan Desa

>> Muka 1

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Kementerian Pembangunan, Ir. Awang Haji Amer Hishamuddin bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria; Timbalan Setiausaha Tetap (Industri Pembinaan dan Kemajuan), Kementerian Pembangunan, Sr. Dayang Hajah Norhayati binti Haji Mohd. Yaakub dan Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-Undang) Kementerian Pembangunan, Dayang Aldila binti Haji Mohamad Salleh.

Juga hadir, Ahli-ahli Komiti di bawah Autoriti Perancang, pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya serta para pegawai dan kakitangan dan mantan warga Jabatan Perancang Bandar dan Desa.

Aturcara majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah dan seterusnya diisikan dengan Ceramah Khas bertajuk 'Menjaga Kesejahteraan Hidup Berjiran melalui Perancangan Guna Tanah dan Kemajuan yang teratur' yang disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, dari Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Yusof bin Haji Abd. Majid.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dan Doa Peliharakan Sultan.




# IBTE TERIMA BUKU SUMBANGAN KEDUTAAN REPUBLIK RAKYAT CHINA

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed






PUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam (NBD) semasa bergambar ramai (kiri), manakala gambar kanan, sumbangan beberapa buah buku panduan dan rujukan mengenai negara China telah diserahkan oleh Puan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke NBD kepada Pengarah Pendidikan Teknik merangkap Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Dr. Haji Mohd Zamri bin Haji Sabli.

**BELAIT**, Khamis, 3 November. - Penyerahan beberapa buah buku panduan dan rujukan mengenai negara China antara lain bertujuan untuk membantu para pelajar terutamanya para pelajar yang mengikuti Program Diploma in Refinery Operator dan Program Diploma in Control Automation Engineering yang berkeinginan untuk melanjutkan pengajian di Lanzhou atau bekerja di Pulau Muara Besar.

Sehubungan itu, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) telah menerima sebanyak 172 buah buku sumbangan dari Kedutaan Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam (NBD).

Penyerahan berkenaan telah berlangsung di IBTE Kampus Jefri Bolkiah, Kuala Belait.

Sumbangan berkenaan telah diserahkan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke NBD, Puan Yang Terutama Yu Hong kepada Pengarah Pendidikan Teknik merangkap Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Dr. Haji Mohd Zamri bin Haji Sabli.

Pihak Republik Rakyat China di NBD sangat berbesar hati untuk menyumbangkan buku-buku berkenaan dalam bahasa Inggeris kepada IBTE yang meliputi ekonomi, masyarakat, budaya, sains dan teknologi, sastera dan bidang lain di China.

Melalui buku-buku berkenaan, ia dihasratkan akan dapat memberikan kepada semua orang peluang untuk memahami mengenai negara China.

Buku-buku berkenaan bukan sahaja mengetengahkan bidang kesusasteraan klasik China dan puisi klasik yang terkenal, tetapi ia juga pengenalan gergasi teknologi terkemuka China seperti Huawei dan Tencent, serta sains canggih seperti aeroangkasa.

Terkini, Kedutaan Republik Rakyat China telah berjaya menyumbangkan buku mengenai China atau 'Rak Buku China', selama tiga tahun berturut-turut kepada 11 buah universiti, sekolah menengah dan sekolah rendah.

Buku-buku berkenaan diharapkan akan dapat membantu pensyarah dan pelajar untuk mempunyai pemahaman yang lebih komprehensif dan mendalam mengenai China.

Dr. Haji Mohd Zamri merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas sumbangan buku berkenaan sekali gus mengekalkan kerjasama berterusan bersama pihak Kedutaan Republik Rakyat China dalam usaha melahirkan para graduan yang cemerlang dan kompeten serta sentiasa berbakti kepada negara.

# 30 PESERTA BENGKEL TERIMA SIJIL



**SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat bagi menyampaikan sijil kepada para peserta bengkel (atas dan bawah kanan). Manakala gambar kanan, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan semasa bergambar ramai.**



**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 3 November. - Seramai 30 peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai dari institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta Kementerian Pendidikan, hari ini, menerima Sijil ASEAN University Network-Quality Assurance Training Workshop for Accomplishing Programme Assessment (AUN-QA Tier 1 Training) and The Development of Self-Assessment Report (SAR) yang berlangsung di Dewan Permai, Hotel Aman Hill, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyampaikan sijil kepada para peserta bengkel ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Turut hadir, Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Jabatan Pengajian Tinggi, Awang Julaihi bin Mohamad serta pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pendidikan.

Para peserta telah menjalani latihan intensif selama empat hari bermula 31 Oktober hingga 3 November 2022 di mana mereka telah didedahkan tentang AUN-Quality Assurance model.

Para peserta juga dilatih untuk mengenal pasti elemen penting ekosistem jaminan kualiti, memahami rangka kerja AUN-QA, kriteria dan keperluan serta cara menulis SAR bagi penilaian program AUN-QA yang teratur.

Bengkel telah disampaikan oleh empat pakar dari AUN-QA, iaitu Profesor Ir. Dr. Shahrir Abdullah selaku Lead Trainer, Profesor Dr. Wyona C. Patalinghug, Associate Professor Dr. Evangeline P. Bautista dan Associate Professor Dr. Kamolwan Lueprasert.

Bengkel selama empat hari tersebut merupakan salah satu inisiatif Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan sebagai persediaan bagi pelaksanaan dan pemantauan Higher Education Quality Assurance Framework (HEQAF).



## Musabaqah Al-Quran : Awang Zulfadhli, Dayangku Nurul Sakinah Adawiyah johan



**SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat menyampaikan hadiah serta sijil penyertaan kepada peserta.**

- **OBJEKTIF musabaqah berkenaan adalah untuk memilih para peserta qari dan qariah bagi pemilihan ke peringkat separuh akhir dan seterusnya ke peringkat akhir kebangsaan melalui masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat seluruh negara.**
- **UNTUK mencungkil bakat-bakat baharu dan juga melahirkan generasi muda yang boleh membaca Al-Quran dengan baik dan sempurna.**
- **TUJUAN musabaqah berkenaan diadakan adalah untuk melahirkan generasi muda yang celik Al-Quran dan boleh membaca Al-Quran dengan lancar dan sempurna, di samping memupuk semangat suka membaca Al-Quran dalam kalangan peserta dan menjadikannya amalan dalam kehidupan seharian.**

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Hamzah Mohidin**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 3 November. - Awang Zulfadhli bin Haji Awang dan Dayangku Nurul Sakinah Adawiyah binti Pengiran Ainolazhar masing-masing menjadi johan bagi Kategori Qari dan Qariah pada Majlis Pengumuman dan Penyampaian Hadiah Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Daerah Seluruh Negara Bagi Tahun 1444H / 2022M diadakan di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang.

Sementara naib johan bagi Kategori Qari ialah Pengiran Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki dan tempat ketiga disandang oleh Awang Abdul Qawiyuddini bin Suhaili.

Manakala bagi Kategori Qariah, naib johan diraih oleh Dayang Hajah Noraila binti Haji Metussin dan tempat ketiga ialah Dayangku Alya Syahirah binti Pengiran Haji Jofri.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri selaku Pengerusi Majlis.

Dalam ucapannya, beliau antara lain menjelaskan objektif musabaqah berkenaan adalah untuk memilih para peserta qari dan qariah bagi pemilihan ke peringkat separuh akhir dan seterusnya ke peringkat akhir kebangsaan melalui masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat seluruh negara.

Di samping itu juga katanya, ia bertujuan untuk mencungkil bakat-bakat baharu dan juga melahirkan generasi muda yang boleh membaca Al-Quran dengan baik dan sempurna.

Apa yang dihasratkan daripada pertandingan berkenaan tambahnya adalah semoga para peserta akan mendapat manfaat yang berguna dan dapat menimba serba sedikit pengalaman serta ilmu pengetahuan daripada





**UCAPAN alu-aluan oleh Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri selaku Pengerusi Majlis (kiri). Manakala gambar kanan, persembahan daripada qariah yang mendapat markah tertinggi.**

musabaqah berkenaan dan seterusnya untuk membangkitkan semangat kepada semua peserta untuk lebih giat lagi mendalami ilmu Taranum Al-Quran.

Majlis diteruskan lagi dengan pengumuman keputusan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Daerah Seluruh Negara bagi Tahun 1444H / 2022M yang dibacakan oleh Pengerusi Jemaah Hakim, Awang Mohd Ali Sabri bin Haji Yusof.

Penyampaian sagu hati kepada para hakim dan hadiah serta sijil penyertaan kepada para peserta disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Musabaqah berkenaan telah berlangsung selama tiga hari bermula 1 hingga 3 November 2022, dan telah disertai seramai 50 peserta qari dan 10 peserta qariah.

Daripada jumlah berkenaan, seramai 34 peserta telah terpilih untuk mara ke Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Bagi Tahun 1444H / 2022M.

Antara tujuan musabaqah berkenaan diadakan adalah untuk melahirkan generasi muda yang celik Al-Quran dan boleh membaca Al-Quran dengan lancar dan sempurna, di samping memupuk semangat suka membaca Al-Quran dalam kalangan peserta dan menjadikannya amalan dalam kehidupan seharian.

Musabaqah berkenaan juga dihasratkan untuk membolehkan peserta menghayati isi kandungan Al-Quran agar dapat disemaikan dalam kehidupan beragama, berbangsa dan bernegara.

# JPES KELUARKAN LAPORAN KTK 2021

**Siaran Akhbar : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 3 November. - Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengeluarkan laporan Kajian Tenaga Kerja (KTK) 2021 yang berasaskan data muktamad daripada hasil KTK 2021 yang telah dikendalikan serentak dengan peringkat ketiga Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) 2021 pada 1 hingga 31 Disember 2021.

Objektif utama KTK 2021 ialah untuk mengumpulkan maklumat terkini mengenai saiz, struktur, taburan dan pelbagai ciri tenaga kerja, pekerjaan, pengangguran dan lain-lain pelbagai ciri ekonomi penduduk yang akan digunakan dalam membantu perancangan, penyelidikan, penyediaan dasar dan pengurusan tenaga kerja.

Kajian berkenaan telah meliputi kira-kira 3,200 buah keluarga terpilih di seluruh negara menggunakan kaedah pensampelan yang sistematik.

Data yang diperoleh daripada keluarga berkenaan telah disesuaikan melalui proses *extrapolation and calibration* bagi menghasilkan anggaran seluruh penduduk yang tinggal dalam isi rumah biasa di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Hasil KTK 2021 menunjukkan terdapat kira-kira 76,600 buah keluarga atau isi rumah dan seramai 350,300 orang berumur 15 tahun ke atas.

Antara lain inti sari yang dimuatkan dalam laporan berkenaan ialah kadar penyertaan tenaga kerja (Labour Force Participation Rate - LFPR) menunjukkan penurunan kepada 63.8 peratus pada tahun 2021 daripada 65.5 peratus pada tahun 2020.

Penurunan berkenaan adalah disebabkan oleh penurunan jumlah penduduk menganggur dalam kalangan penduduk tempatan yang telah mendapat pekerjaan dan juga peningkatan penduduk di Luar Tenaga Kerja (Outside Labour Force-OLF).

Jumlah penduduk bekerja meningkat sebanyak 0.6 peratus pada tahun 2021, iaitu seramai 212,400 orang, berbanding pada tahun 2020 dengan 211,100 orang.

Antara peningkatan berkenaan adalah disebabkan pekerja tempatan telah mengisi pekerjaan di beberapa sektor industri yang dahulunya didominasi oleh pekerja asing.

Daripada jumlah berkenaan, pekerja tempatan merupakan bahagian terbesar sebanyak 71.0 peratus (150,800 orang), manakala sebanyak 29.0 peratus (61,600 orang) adalah pekerja asing.

Sebanyak 92.1 peratus (195,500 orang) merupakan pekerja, manakala mereka yang bekerja sendiri adalah sebanyak 4.7 peratus (10,100 orang).

Seramai 67,000 orang (31.5 peratus) bekerja di sektor kerajaan yang termasuk aktiviti pentadbiran awam dan perkhidmatan- perkhidmatan kerajaan seperti pendidikan, kesihatan, elektrik dan air.

Sementara itu, seramai 145,400 orang (68.5 peratus) bekerja di sektor swasta.

Mengikut jenis pekerjaan, pekerja perkhidmatan dan jualan menyumbang bahagian terbesar iaitu sebanyak 21.8 peratus (46,200 orang).

Purata pendapatan (*average income*) sebulan daripada semua pekerjaan adalah sejumlah BND1,536 bagi seorang berbanding dengan sejumlah BND1,755 pada tahun 2020.

Pekerja tempatan memperoleh pendapatan yang lebih tinggi sejumlah BND1,710 secara purata, berbanding sejumlah BND1,110 bagi pekerja asing.

Manakala, pendapatan kasar penengah (*median income*) daripada pekerjaan adalah sejumlah BND880 berbanding dengan sejumlah BND850 pada tahun 2020.

Pendapatan penengah bagi pekerja tempatan dan asing adalah masing-masing sejumlah BND1,010 dan BND600.

Purata jam biasa bekerja dalam pekerjaan utama meningkat kepada 47.1 jam dalam seminggu berbanding dengan 44.4 jam pada tahun 2020.

Pada tahun 2021, jumlah penduduk menganggur adalah kira-kira seramai 10,956 orang berbanding dengan 16,630 orang pada tahun 2020.

Ini menjadikan kadar pengangguran menurun daripada 7.3 peratus kepada 4.9 peratus pada tahun 2021, terutamanya dalam kalangan penduduk tempatan (10,800 orang atau 98.6 peratus).

Penurunan berkenaan adalah disebabkan pencari kerja tempatan yang telah mengisi pekerjaan di beberapa sektor industri yang dahulunya didominasi oleh pekerja asing.

Industri pembinaan menunjukkan peningkatan pekerja tempatan yang paling ketara dan diikuti oleh industri pengangkutan dan penyimpanan, informasi dan perhubungan, aktiviti perkhidmatan dan lain-lain.

Penurunan jumlah penduduk menganggur adalah juga disebabkan oleh peningkatan penduduk di OLF terutamanya mereka yang telah melanjutkan pengajian, menjalani kursus latihan dan melaksanakan tanggungjawab keluarga/isi rumah.

Jumlah penduduk di OLF meningkat sebanyak 6.1 peratus, daripada 119,700 orang pada tahun 2020 kepada 127,000 orang pada tahun 2021.

Terdiri daripada penduduk perempuan sebanyak 58.6 peratus, penduduk tempatan sebanyak 90.5 peratus, belia berumur 15 ke 24 tahun sebanyak 34.3 peratus dan yang mempunyai kelulusan tertinggi di peringkat menengah sebanyak 66.6 peratus.

Daripada 127,000 orang di luar tenaga kerja berkenaan, sebanyak 93.0 peratus adalah mereka yang tidak aktif untuk mencari pekerjaan dan tidak bersedia untuk bekerja disebabkan masih dalam pengajian, sedang menjalani kursus latihan, mempunyai tanggungjawab keluarga/isi rumah, atau telah bersara.

Manakala, sebanyak 7.0 peratus adalah mereka yang dikategorikan sebagai tenaga kerja yang berpotensi (*potential labour force*), iaitu sama ada mereka yang aktif mencari pekerjaan tetapi tidak bersedia untuk bekerja (*actively looking for job but not available*) atau yang tidak aktif mencari pekerjaan tetapi bersedia untuk bekerja (*not actively looking for job but available*).

Beberapa soalan tambahan berkaitan impak penularan wabak COVID-19 telah dimasukkan ke dalam borang tanya KTK 2021, sepertimana saranan pihak International Labour Organisation (ILO) bagi KTK 2020 sebelum ini.

Situasi penularan wabak COVID-19 telah memberikan kesan terhadap aktiviti ekonomi penduduk di negara ini sama ada bagi penduduk yang bekerja mahupun penduduk yang menganggur, antara lainnya adalah seperti berikut.

Kira-kira 40.0 peratus (84,900 orang) daripada kalangan penduduk bekerja telah mengalami perubahan dalam keadaan kerja mereka seperti perubahan dalam jumlah jam bekerja, iaitu kurang daripada biasa, bertukar tempat atau lokasi bekerja atau Bekerja Dari Rumah (Work From Home).

Bagi penduduk yang menganggur pada tahun 2021, kira-kira 2.6 peratus atau 300 orang adalah terdiri daripada kalangan mereka yang mempunyai pekerjaan pada tahun 2020, tetapi tidak lagi bekerja pada tahun 2021 disebabkan kehilangan pekerjaan bergaji atau pekerjaan sementara telah berakhir, iaitu sebanyak 67.5 peratus (195 orang); penutupan sementara fasiliti dan premis sebanyak 13.3 peratus (38 orang); berhenti atau cuti kerana kecederaan, sakit atau kuarantin dan lain-lain sebanyak 11.2 peratus (32 orang); dan dicutikan sementara atau menunggu panggilan balik daripada majikan sebanyak 7.9 peratus (23 orang).

Penemuan perangkaan tenaga kerja yang dikeluarkan daripada hasil KTK tahun 2017 hingga 2020 juga disemak semula berasaskan data akhir BPP 2021 dan KTK 2021.

Perangkaan berkenaan akan dimuatkan di dalam penerbitan Brunei Darussalam Statistical Yearbook (BDSYB) 2021.

JPES ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua keluarga yang terpilih atas kerjasama yang diberikan sepanjang tempoh kajian.

Laporan KTK 2021 boleh didapati melalui laman sesawang JPES. Sebarang pertanyaan mengenai perkara berkenaan bolehlah dirujuk ke JPES dengan menghubungi talian +673 2233344 (waktu pejabat) atau melayari laman sesawang JPES di *deps.mofe.gov.bn* atau e-mel ke *info.statistics@jpes.gov.bn.*




## HALUAN

# Kardiovaskular punca utama kematian di NBD

>> Muka 2

Daripada pandemik, kita perlu belajar inovasi cara merawat dan menguruskan pesakit. Adalah menjadi harapan saya agar GJPMC akan terus cemerlang dalam pengurusan pesakit dengan mempraktikkan kemajuan teknologi seperti *telemedicine*, *telesurgery* dan lain-lain serta mempertingkatkan penjagaan komprehensif mereka terhadap pesakit terutamanya dengan One Patient One Record, tersedia melalui BruHIMS 2.0 dalam masa terdekat.

Seperti yang kita semua ketahui, Penyakit Kardiovaskular (CVD) telah mengambil alih kanser, sebagai punca utama kematian keseluruhan dan kematian pramatang di Negara Brunei Darussalam. Pada tahun 2021, CVD mengakibatkan 416 kematian dalam kalangan rakyat dan pemastautin tetap di NBD (berbanding 306 kematian akibat kanser pada tahun 2021). Kini CVD menyumbang lebih daripada satu perempat (26 Peratus) daripada semua kematian (416 daripada 1,596) berlaku pada 2021 di Negara Brunei Darussalam. Kadar umur kematian pramatang yang diseragamkan bagi CVD di Negara Brunei Darussalam adalah kira-kira 135 bagi setiap 100,000 penduduk pada tahun 2021, kadarnya setanding dengan kebanyakan negara barat, kadarnya serupa dengan kadar kematian berdasarkan umur yang dilaporkan untuk CVD di Amerika Syarikat, purata 130 bagi setiap 100,000 penduduk pada tahun 2019.

Dalam konteks penyakit kardiovaskular dan NCD, GJPMC juga komited dalam pengurusan dan pencegahan CVD. Ini dicerminkan melalui pemeteraian MoU antara GJPMC dan Kementerian Kesihatan sejak 2019 untuk bekerjasama dalam usaha bersama mempromosikan gaya hidup lebih sihat melalui Program Tempat Kerja dan Kesihatan (WAH) dan Program Persekitaran dan Gaya Hidup Bahagia (HEAL). Kementerian Kesihatan juga amat menghargai sokongan berterusan yang diberikan oleh GJPMC atas sokongan mereka dalam menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti khusus untuk kesihatan dan kesejahteraan penduduk negara. Ia adalah bukti usaha kerjasama padu kedua-dua institusi dalam membendung beban CVD dalam kalangan penduduk kita. Kementerian Kesihatan melalui Pasukan Petugas Kesihatan Pelbagai Sektor juga akan terus bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan untuk mencapai sasaran dan petunjuk seperti yang ditetapkan dalam objektif strategik dalam Pelan Tindakan Pelbagai Sektor Negara Brunei Darussalam bagi pencegahan dan kawalan Penyakit Tidak Berjangkit (BruMAP-NCD) 2021 - 2025 ke arah matlamat mengurangkan kebarangkalian kematian antara umur 30 dan 69 tahun akibat penyakit kardiovaskular, kanser, diabetes atau penyakit pernafasan kronik sebanyak 10 peratus menjelang 2025.

Sebelum saya mengakhiri, saya ingin sekali lagi mengucapkan tahniah kepada GJPMC pada Ulang Tahun Ke-20 mereka dan perjalanan luar biasa mereka ke arah kecemerlangan dalam penjagaan kesihatan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua kerana menyertai persidangan hari ini dan saya mengucapkan tahniah atas komitmen awda untuk mengemas kini pengetahuan awda dalam bidang kardiologi. Program ini kelihatan sangat menarik dan saya harap awda yang hadir pada hari ini mendapat ilmu baharu.

Akhir kata, dengan kalimah *Bismillahir Rahmanir Rahim*, selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, saya dengan ini merasmikan Persidangan Kardiologi 2022.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

# KUKUHKAN PERANAN ACMM BANTU PROGRAM PERUBATAN KETENTERAAN




**TIMBALAN Setiausaha Tetap (Dasar dan Strategi), Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam bergambar ramai pada Mesyuarat Kumpulan Kerja Pakar Perubatan Tentera, Mesyuarat Menteri-menteri Pertahanan ASEAN-Plus (ADMM-Plus) Kali Ke-15, diadakan di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, Negara Brunei Darussalam selama tiga hari, bermula 1 hingga 3 November 2022.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 2 November. - Mesyuarat Kumpulan Kerja Pakar Perubatan Tentera, Mesyuarat Menteri-menteri Pertahanan ASEAN-Plus (ADMM-Plus) Kali Ke-15, diadakan di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, Negara Brunei Darussalam selama tiga hari, bermula 1 hingga 3 November 2022.

Mesyuarat dipengerusikan bersama oleh Ketua Pegawai Perubatan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Kolonel (Dr.) Haji Awang Mohd. Hafizul bin Haji Awang Mohd. Hassan dan Ketua Pengarah Kesihatan Operasi, Markas Kesihatan Bersama Pasukan Pertahanan Australia (ADF), Brigedier Isaac Seidl serta dirasmikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Strategi), Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Adi Ihram bin Dato Paduka Haji Mahmud.

Mesyuarat berkenaan dihadiri secara fizikal oleh wakil dari sebilangan Negara-negara Ahli ADMM-Plus dan Pusat Perubatan Ketenteraan ASEAN (ACMM), manakala wakil dari China, India, Jepun, Malaysia, New Zealand, Amerika Syarikat serta Sekretariat ASEAN menghadiri mesyuarat tersebut secara dalam talian.

Beberapa penceramah jemputan turut diundang untuk memberikan taklimat, termasuk wakil dari Pejabat Penyelaras Hal Ehwal Kemanusiaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai (UNOCHA), yang berpusat di Republik Filipina.

Agenda Mesyuarat Kumpulan Kerja Pakar Perubatan Tentera ADMM-Plus Ke-15 ini, termasuk membincangkan penggunaan Health Needs Assessment semasa aktiviti berasaskan projek yang dikenali sebagai Project Community Medical Deployment (PCMD), serta penggunaan ASEAN Logistics Support Framework (LSF).

Projek ini bertujuan untuk mengukuhkan peranan ACMM dalam membantu program perubatan ketenteraan yang serupa, di masa akan datang.

Sejak penubuhannya pada tahun 2010, Kumpulan Kerja Pakar Perubatan Tentera berupaya mengukuhkan kerjasama, kesaling-operasian serta penyelarasan di kalangan institusi perubatan tentera bagi 18 buah Negara ADMM-Plus sepertimana yang dihasratkan oleh Ketua-ketua Pertahanan ADMM-Plus.

Mesyuarat Kumpulan Kerja Pakar Perubatan Tentera ADMM-Plus Ke-15 ini merupakan mesyuarat pertama, yang diadakan secara bersemuka di bawah kitaran kali ke-4 Kumpulan Kerja Pakar Perubatan Tentera bagi tahun 2021 - 2023, di mana mesyuarat sebelum ini berlangsung secara dalam talian, pada tahun 2020 dan 2021.

- **AGENDA Mesyuarat Kumpulan Kerja Pakar Perubatan Tentera ADMM-Plus Ke-15 ini, termasuk membincangkan penggunaan Health Needs Assessment semasa aktiviti berasaskan projek yang dikenali sebagai Project Community Medical Deployment (PCMD), serta penggunaan ASEAN Logistics Support Framework (LSF).**
- **PROJEK ini bertujuan untuk mengukuhkan peranan ACMM dalam membantu program perubatan ketenteraan yang serupa, di masa akan datang.**
- **SEJAK penubuhannya pada tahun 2010, Kumpulan Kerja Pakar Perubatan Tentera berupaya mengukuhkan kerjasama, kesaling-operasian serta penyelarasan di kalangan institusi perubatan tentera bagi 18 buah Negara ADMM-Plus sepertimana yang dihasratkan oleh Ketua-ketua Pertahanan ADMM-Plus.**







# DUIT SYILING JSHOAS MULA DIJUAL 8 NOVEMBER





**PENGARAH Eksekutif, Pengurusan Mata Wang BDCB, Pengiran Maslina binti Pengiran Haji Mahmud, pada Sidang Media bagi Pelancaran Duit Syiling Kenang-kenangan sempena Penamaan Rasmi Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (JSHOAS) (atas dan kanan).**

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Masri Osman**

**COMMONWEALTH DRIVE**, Jumaat, 4 November. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) ingin memaklumkan, bahawa sempena Memperingati Penamaan Rasmi Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (JSHOAS), BDCB akan mengeluarkan duit syiling kenang-kenangan, berbentuk emas, perak dan kupronikel.

Duit syiling kenang-kenangan berkenaan adalah sah diperlakukan di Negara Brunei Darussalam.

Keterangan lanjut mengenai duit syiling kenang-kenangan tersebut disampaikan oleh Pengarah Eksekutif, Pengurusan Mata Wang BDCB, Pengiran Maslina binti Pengiran Haji Mahmud, pada Sidang Media bagi Pelancaran Duit Syiling Kenang-kenangan sempena Penamaan Rasmi JSHOAS, yang diadakan di Galeri Mata Wang BDCB, di Bangunan Brunei Currency and Monetary Board (BCMB), Kompleks Kementerian Kewangan dan Ekonomi, di sini.

Pengiran Maslina juga menjelaskan terdapat empat jenis produk duit syiling kenang-kenangan, seperti berikut : Duit Syiling Emas Edisi Khas 1; Duit Syiling Emas Edisi Khas 2; Duit Syiling Perak; dan Duit Syiling Kupronikel.

Terangnya, Duit Syiling Emas Edisi Khas 1, pada muka hadapannya memaparkan wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Perarakan Mengelilingi Bandar Seri Begawan bersempena Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta, pada 5 Oktober 2017.

Reka bentuk muka belakang bagi duit syiling ini pula menggambarkan jambatan dua lorong dua hala, yang menghubungkan Daerah Brunei dan Muara ke Daerah Temburong dari Jalan Kota Batu dengan merentasi Teluk Brunei serta hutan paya bakau hingga Jalan Labu.

Duit Syiling Emas Edisi Khas 1 ini mempunyai nilai muka BND300, dengan harga jualan BND4,000.

Manakala, Duit Syiling Emas Edisi Khas 2 pula, memaparkan potret Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama ayahanda baginda, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, pada muka hadapannya dan mempunyai reka bentuk muka belakang yang sama, seperti Duit Syiling Emas Edisi Khas 1.

"Duit Syiling Emas Edisi Khas 2 ini mempunyai nilai muka dan harga jualan yang sama seperti Duit Syiling Emas Edisi Khas 1," tambah beliau lagi.

Sementara Duit Syiling Perak mempunyai reka bentuk muka hadapan yang sama dengan Duit Syiling Emas Edisi Khas 1.

Manakala, reka bentuk muka belakangnya pula, mempamerkan Jambatan Kabel Penahan merentasi Laluan Perkapalan Timur ataupun Eastern Channel, dan jambatan ini mempunyai pelepasan navigasi bagi kemudahan laluan kapal-kapal besar.

Duit syiling ini mempunyai nilai muka BND30, dengan harga jualan BND300.

Bagi Duit Syiling Kupronikel pula, jelasnya lagi, juga mempunyai reka bentuk muka hadapan yang sama dengan Duit Syiling Emas Edisi Khas 1 dan Duit Syiling Perak.

Reka bentuk muka belakangnya mempamerkan Menara JSHOAS, berdasarkan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) Negara Brunei Darussalam, di mana bentuk bulan sabit dan bintang adalah lambang negara Islam, tiga kalimah untuk sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala.

Manakala bentuk permata menunjukkan empat daerah bersatu melambangkan kekukuhan Negara Brunei Darussalam.

"Duit Syiling ini diperbuat daripada Kupronikel dan mempunyai nilai muka BND3, dengan harga jualan BND110," ujarnya lagi.

Beliau turut memberitahu, bahawa jualan bagi duit syiling kenang-kenangan tersebut akan mula dibukakan kepada orang ramai, bermula Selasa, 8 November 2022, dari 8.30 pagi hingga 11.30 pagi dan sebelah petang pula, dari 2.00 hingga 4.30 petang.

Sementara pada Jumaat pula, dibukakan dari 8.30 pagi hingga 11.00 pagi sahaja.

Duit syiling kenang-kenangan ini boleh didapati, di BDCB Currency Gift Shop Tingkat 1, Bangunan BCMB, Kompleks Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan.

Maklumat lanjut boleh didapati di laman sesawang BDCB, *www.bdcb.gov.bn* atau melalui akaun Instagram BDCB, *@centralbank.brunei.*

# Galak kakitangan untuk dermakan darah



**ANTARA kakitangan dan pengurusan Hengyi Industries Sendirian Berhad (Hengyi Industries) yang menyertai Kempen Derma Darah, di Bangunan Pentadbiran (Admin), Pulau Muara Besar (PMB).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Hengyi Industries Sendirian Berhad**

**MUARA**, Jumaat, 4 November. - Seramai 54 kakitangan dan pengurusan Hengyi Industries Sendirian Berhad (Hengyi Industries) menyertai Kempen Derma Darah yang diadakan di Bangunan Pentadbiran (Admin), Pulau Muara Besar (PMB), baru-baru ini.

Kempen Derma Darah anjuran Hengyi Industries itu merupakan kali ke-4 ia diadakan dengan membawakan tema 'Give Blood, Save Life'.

Sebanyak 54 pain darah telah berjaya dikumpulkan dalam masa sekitar 30 minit dan akan digunakan untuk membantu meningkatkan stok bekalan bank darah di Negara Brunei Darussalam.

Di bawah Inisiatif Hengyi Cares, kempen tersebut adalah sebahagian daripada Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Hengyi Industries sejak tahun 2019 untuk menggalakkan dan memotivasikan kakitangan-nya untuk tampil ke hadapan dan menderma darah dengan niat untuk membantu menyelamatkan nyawa serta juga membantu menyebarkan kesedaran tentang kepentingan dan faedah menderma darah.

Selain itu, ia juga diadakan sebagai sebahagian daripada Sambutan Ulang Tahun Ke-3 syarikat tersebut atas kejayaan pentauliahan kilang petrokimia dan penapisan Hengyi Industries.



# Hormati dan sayangi warga emas




**BERTAKWALAH** kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Agama kita menganjurkan umatnya agar saling hormat-menghormati dan sayang-menyayangi antara satu sama lain tanpa mengira agama, darjat, bangsa ataupun keturunan.

Sikap hormat-menghormati perlu disemai sejak dari kecil lagi, lebih-lebih lagi dalam menghormati dan berbuat baik kepada ibu bapa, orang tua ataupun warga emas sama ada yang mempunyai hubungan kekeluargaan ataupun tidak. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah An-Nisa, ayat 36 :

**Tafsirnya :** "*Dan sembahlah Allah dan janganlah kamu mempersekutukannya dengan suatu apa pun. Dan berbuat baiklah kepada ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, jiran tetangga yang dekat, jiran tetangga yang jauh, rakan sejawat, orang-orang musafir yang terlantar dalam perjalanannya (yang terputus perbelanjaannya) dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang sombong dan membangga - banggakan diri*".

Kita amat bersyukur di Negara Brunei Darussalam, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa menitikberatkan kebajikan dan kesejahteraan golongan warga emas di negara ini agar sentiasa terjaga dan terpelihara.

Hal ini selaras dengan dasar negara dan inisiatif Majlis Kebangsaan Isu Sosial di bawah Pelan Tindakan Warga Emas dalam memastikan warga emas diberikan perhatian khusus untuk menjalani kehidupan secara inklusif di negara ini.

Alhamdulillah, pada 1 Oktober 2021, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi penguatkuasaan Perintah Orang Kurang Upaya 2021 dan Perintah Akta Pencen Umur Tua dan Kurang Upaya (Pindaan) 2021. Peruntukan Undang-undang ini merupakan satu tanda aras penting bagi golongan warga emas dan Orang Kelainan Upaya (OKU) di Negara Brunei Darussalam di mana kesejahteraan dan perlindungan dua golongan ini telah diberi keutamaan yang tinggi dalam agenda kebangsaan.

Tanggungjawab terhadap warga emas bukan hanya menjadi tanggungjawab kerajaan sahaja, akan tetapi ia adalah tanggungjawab semua pihak khususnya anak-anak.

Warga emas tidak sepatutnya dianggap sebagai satu beban dan diabaikan kebajikannya. Sesungguhnya tiada apa yang lebih bermakna untuk diberikan kepada warga emas dalam meniti usia mereka selain diberikan perhatian dan kasih sayang oleh anak-anak mereka.

Pada usia inilah kebiasaannya ibu bapa yang mencapai umur lanjut memerlukan perhatian dan kasih sayang daripada anak-anaknya. Sebagai seorang anak, adakalanya bermacam-macam karenah yang kita hadapi dalam menjaga orang tua. Ada segelintir orang tua yang sikapnya semakin pemarah, cerewet, semakin sensitif atau mudah tersinggung perasaan dan seumpamanya.

Dalam menghadapi situasi demikian, sebagai seorang anak, kita hendaklah bersabar melayani karenah mereka, jangan sekali-kali memarahi, mengherdik, menggertak dan memukul orang tua kerana perbuatan sedemikian akan mengguris dan menyakiti hati mereka.

Ingatlah, bahawa jasa dan pengorbanan mereka dalam menjaga dan membesarkan kita, tidak akan dapat kita balas walau dengan nyawa, harta dan wang ringgit. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 83 :

**Tafsirnya :** "*Dan (ingatlah wahai Nabi Muhammad), ketika Kami mengambil janji setia dengan Bani Israel (dengan berfirman) : "Janganlah kamu menyembah melainkan Allah dan berbuat baiklah kepada ibu bapa*".

Hari Antarabangsa Warga Emas disambut pada 1 Oktober setiap tahun di seluruh dunia dan Negara Brunei Darussalam juga tidak terkecuali dalam meraikan hari yang penuh bermakna ini. Tema bagi Sambutan Hari Antarabangsa Warga Emas pada tahun ini ialah 'Daya Tahan dan Sumbangan Golongan Warga Emas Wanita'.

Sambutan Hari Antarabangsa Warga Emas diraikan sebagai tanda penghargaan di atas inisiatif-inisiatif dan pencapaian warga emas dalam perkembangan, penglibatan dan sumbangan mereka dalam pembangunan masyarakat dan negara.

Selain itu, sambutan ini diadakan sebagai usaha untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap cabaran-cabaran dalam kehidupan yang dihadapi oleh warga emas di samping memperingatkan kita bahawa mereka juga adalah elemen penting dalam institusi keluarga, perkembangan masyarakat dan pembangunan negara. Menyedari hakikat ini, keperluan aktiviti atau program secara bersama dan khidmat kemasyarakatan antara warga emas dan belia adalah antara usaha yang patut dikembangkan. Ini bagi memastikan warga emas akan terus aktif serta dapat terus menyumbang kepada masyarakat dan negara secara inklusif. Ingatlah, kesejahteraan sosial dan pembangunan yang dinikmati hari ini adalah hasil usaha gigih generasi terdahulu.

Akhirnya, marilah kita sama-sama menghormati, menyayangi dan menjaga kebajikan kedua ibu bapa serta warga emas dan janganlah kita abaikan dan sia-siakan hidup mereka, berikanlah kasih sayang yang sepenuhnya dan pastikanlah kehidupan mereka sempurna, terjamin dan sejahtera. Sama-samalah berdoa, semoga kita dan zuriat keturunan kita akan sentiasa berbuat amal soleh dan mendapat keredaan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

**Tafsirnya :** "*Dan Kami memerintahkan manusia supaya berbuat baik kepada kedua ibu bapanya, ibunya telah mengandungnya dengan susah payah dan melahirkannya dengan susah payah. Sedang tempoh mengandungnya dan tempoh menghentikan penyusuan ialah dalam masa 30 bulan. Apabila dia cukup dewasa dan sampai ke peringkat umur 40 tahun, dia berdoa : "Ya Tuhanku! Kurniakanlah aku ilham supaya aku tetap bersyukur terhadap nikmat-Mu yang Engkau kurniakan kepadaku dan kepada kedua ibu bapaku dan supaya aku tetap mengerjakan amalan soleh yang Engkau redai dan kurniakanlah kebaikan kepadaku dengan (mengurniakan kebaikan) kepada zuriat keturunanku. Sesungguhnya aku bertaubat kepada-Mu dan sesungguhnya aku termasuk orang-orang yang berserah diri (kepada-Mu)*". (Surah Ahqaf, ayat 15)

# 2 warga asing ditahan salah guna Pas Kerja

**Siaran Akhbar dan Foto: Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan**



**BAHAGIAN Penguatkuasa Undang-undang JIPK Bandar Seri Begawan semasa menjalankan satu operasi yang diberi nama Operasi Tumpas JIPK 71/2022 pada Khamis, 27 Oktober 2022, jam 9.42 pagi.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 3 November. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) mengingatkan kepada orang ramai bahawa JIPK akan sentiasa menjalankan operasi, menangkap, menyiasat serta mengambil tindakan undang-undang ke atas mana-mana orang yang menyalahi undang-undang mengikut bidang kuasa yang diperuntukkan.

Bagi mana-mana warganegara asing di negara ini yang melakukan kesalahan akan diambil tindakan dan jika sabit kesalahan akan dihadapkan ke mahkamah, dipenjarakan dan diusir ke negara asal dan nama-nama mereka akan disenarai hitamkan.

Tujuan operasi / pemeriksaan berkenaan adalah bagi melaksanakan rondaan, operasi dan pemeriksaan berdasarkan kepada maklumat dan kerjasama daripada orang ramai berpandukan kepada maklumat yang terkumpul, sama ada secara persendirian atau bersama agensi penguatkuasa yang lain.

Selain itu, menguatkuasakan akta dan peraturan imigresen, akta dan peraturan pasport dan memastikan ia dipatuhi serta dalam usaha mengesan pesalah imigresen di samping menguatkuasakan Perintah Pencegahan Penyeludupan Orang 2019 dan Perintah Antipemerdagangan Orang 2019 dan apa juga kegiatan yang bertentangan dengan undang-undang dan peraturan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Sehubungan itu, Bahagian Penguatkuasa Undang-undang JIPK Bandar Seri Begawan telah menjalankan satu operasi yang diberi nama Operasi Tumpas JIPK 71/2022 pada Khamis, 27 Oktober 2022, jam 9.42 pagi.

Hasil daripada pemeriksaan berkenaan, seramai dua perempuan warganegara asing telah ditahan, disiasat dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang JIPK dan hasil siasatan kedua-kedua warganegara asing berkenaan telah melakukan kesalahan di bawah peraturan 15(3) per Imigresen Penggal 17 kerana menyalahgunakan syarat-syarat Pas Kerja, iaitu melakukan aktiviti menyanyi dengan bayaran sebanyak BND300 bagi satu persembahan.

Kedua-kedua mereka dikenakan denda kompaun sebanyak BND600 dan Pas Kerja mereka dibatalkan seterusnya dibalikkan ke negara asal mereka.

Sementara nama-nama mereka telah disenaraihitamkan untuk tidak dibenarkan masuk ke NBD.

Sehubungan itu, saranan daripada Ketua Pegawai Imigresen, Bahagian Penguatkuasa Undang-undang, JIPK mengingatkan bahawa JIPK akan sentiasa meningkatkan aktiviti penguat-kuasaan di negara ini dengan melaksanakan secara berterusan pemantauan, operasi dan pemeriksaan secara bersendirian atau bersepadu dengan agensi penguatkuasaan yang lain.

Sementara itu, penguatkuasaan mengingatkan kepada orang ramai bahawa memberi pekerjaan atau mengaji mana-mana pesalah imigresen adalah menjadi kesalahan yang mana boleh diambil tindakan undang-undang.

Ke arah aktiviti penguatkuasaan berkenaan, JIPK mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen.

Sebarang maklumat dan nama pemberi maklumat akan dirahsiakan sepenuhnya dan orang ramai boleh menghubungi ke talian Hotline JIPK, +673 8734888 dan +673 8753888.



## WARGA EMAS

- Tidak sepatutnya dianggap sebagai satu beban dan diabaikan kebajikannya.
- Bukan tanggungjawab kerajaan sahaja, tetapi tanggungjawab semua pihak khususnya anak-anak

## APA YANG BOLEH KITA BUAT?



Hormati, sayangi dan jaga kebajikan kedua ibubapa serta warga emas



Pastikan kehidupan mereka sempurna, terjamin dan sejahtera



Bersabar melayani karenah mereka



Jangan sekali-kali memarahi, mengherdik, menggertak dan memukul mereka

# HORMATI DAN SAYANGI WARGA EMAS

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 9 Rabiulakhir 1444H/ 4 November 2022M





## HARI ANTARABANGSA WARGA EMAS

***"Daya Tahan dan Sumbangan Golongan Warga Emas Wanita"***

- 1 Oktober setiap tahun
- Sebagai tanda penghargaan diatas inisiatif-inisiatif dan pencapaian warga emas dalam perkembangan, penglibatan dan sumbangan mereka dalam pembangunan masyarakat dan negara

## PADA 1 OKTOBER 2021

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi penguatkuasaan:

- Perintah Orang Kurang Upaya 2021, dan
- Perintah Akta Pencen Umur Tua dan Kurang Upaya (Pindaan) 2021

*Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam*

ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI

# دعاء مموهن كڤد الله سڤاي ترسلامة درڤد بلاء دان سڬل جنيس ڤپاكيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ، وَٱلصَّلَاةُ وَٱلسَّلَامُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ أَجْمَعِينَ.

لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنْتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ ٱللَّهِ ٱلتَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ شَيْءٌ فِي ٱلْأَرْضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِٱللَّهِ.

بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ خَيْرِ ٱلْأَسْمَاءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْأَرْضِ وَٱلسَّمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ دَآءٌ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱفْتَتَحْنَا وَبِٱللَّهِ ٱخْتَتَمْنَا وَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي ٱلْعِزَّةِ وَٱلْجَبَرُوتِ. وَٱعْتَصَمْنَا بِرَبِّ ٱلْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى ٱلْحَيِّ ٱلَّذِي لَا يَمُوتُ.

ٱللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُبِكَ مِنَ ٱلْبَرَصِ، وَٱلْجُنُونِ، وَٱلْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ ٱلْأَسْقَامِ.

ٱللَّهُمَّ ٱصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ ٱلْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ ٱلْبَلَآءَ وَٱلْوَبَآءَ وَٱلطَّعْنَ وَٱلطَّاعُونَ وَسَائِرَ ٱلْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ ٱلرَّدَىٰ بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى ٱللَّهُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ وَسَلَّمَ، وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

**Ihsan : Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama**

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارُ

اَللّٰهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلٰهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَىٰ عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي، فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

**Maksudnya :**
*"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".*

**Fadilatnya :**
Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## (صلوات تفرجية)

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًّا عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقَدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ الْكُرَبُ، وَتُقْضَىٰ بِهِ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى الْغَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفَسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

**Maksudnya :**
Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

**Penerangannya :**
Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

## اية الكرسى

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَيُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُۥ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۗ مَن ذَا ٱلَّذِى يَشْفَعُ عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَىْءٍ مِّنْ عِلْمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَ ۚ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ ۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

**Peringatan :**
Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ العَلِيُّ الْعَظِيمُ 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

## ذكر بچاءن يڠ مماوا كبراونتوڠن ساڠت بسر كڤد ڤڠعملڽ ( تولق بلاء )

**(1)**

حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

**(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

**(2)**

أَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيمْ

**(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).**

**Penerangan :**
Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

**(3)**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

**(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).**

**Penerangan :**
Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

**(4)**

وَأُفَوِّضُ أَمْرِي إِلَى اللّٰهِ

**(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

**(5)**

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ

**(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).**

**Penerangan :**
Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

سوروهنجاي ڤرخدمتن عوام

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

# IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

**MAKLUMAT LANJUT** MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI **WWW.RECRUITMENT.GOV.BN**

## PERINGATAN PENTING

1. **Teliti Skim Iklan** sebelum memohon.
2. Profil yang **tidak lengkap** dan **tidak memenuhi syarat kelayakan** skim iklan akan **ditolak.**

1. **Lengkapkan Profil PSCR 2.0** (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
2. **Lengkapkan Kelulusan** (keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
3. **Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap** *Sijil, transkrip dan pengiktirafan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) yang berkenaan
4. **Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"**
5. **Lengkapkan Maklumat** (kursus / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan professional dan lain-lain yang dipersyaratkan di dalam skim iklan)

+673 7371961 PSC.BN query@spa.gov.bn Bagi Talian Whatsapp Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Bagi media sosial PSC.BN

| | Jawatan, Tangga Gaji dan Bilangan Iklan | Jabatan dan Kementerian | Kekosongan | Jenis Iklan | Tarikh Tutup Permohonan |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | PEGAWAI PERUBATAN GRED II (PATHOLOGY) MD.16 (BAHAGIAN II) 2022/OCT/16 | KEMENTERIAN KESIHATAN | 01 | 7(A) – LUAR NEGARA | 28 DISEMBER 2022 |
| 2. | PEGAWAI PERUBATAN GRED II (PAEDIATRICS) MD.16 (BAHAGIAN II) 2022/OCT/17 | KEMENTERIAN KESIHATAN | 02 | 7(A) – LUAR NEGARA | 28 DISEMBER 2022 |
| 3. | PEGAWAI PERUBATAN GRED II (OBSTETRICS & GYNAECOLOGY) MD.16 (BAHAGIAN II) 2022/OCT/18 | KEMENTERIAN KESIHATAN | 02 | 7(A) – LUAR NEGARA | 28 DISEMBER 2022 |
| 4. | PEGAWAI PERUBATAN GRED II (INTERNAL MEDICINE) MD.16 (BAHAGIAN II) 2022/OCT/19 | KEMENTERIAN KESIHATAN | 11 | 7(A) – LUAR NEGARA | 28 DISEMBER 2022 |
| 5. | PEGAWAI PERUBATAN GRED II (GENERAL SURGERY) MD.16 (BAHAGIAN II) 2022/OCT/20 | KEMENTERIAN KESIHATAN | 02 | 7(A) – LUAR NEGARA | 28 DISEMBER 2022 |
| 6. | PEGAWAI PERUBATAN GRED II (ANAESTHESIA) MD.16 (BAHAGIAN II) 2022/OCT/22 | KEMENTERIAN KESIHATAN | 02 | 7(A) – LUAR NEGARA | 28 DISEMBER 2022 |
| 7. | PEGAWAI PERUBATAN GRED II (MATERNAL HEALTH) MD.16 (BAHAGIAN II) 2022/OCT/23 | KEMENTERIAN KESIHATAN | 02 | 7(A) – LUAR NEGARA | 28 DISEMBER 2022 |
| 8. | PEGAWAI PERUBATAN GRED II (DERMATOLOGY) MD.16 (BAHAGIAN II) 2022/OCT/24 | KEMENTERIAN KESIHATAN | 02 | 7(A) – LUAR NEGARA | 28 DISEMBER 2022 |
| 9. | PEGAWAI PERUBATAN GRED II (PRIMARY HEALTHCARE) MD.16 (BAHAGIAN II) 2022/OCT/25 | KEMENTERIAN KESIHATAN | 02 | 7(A) – LUAR NEGARA | 28 DISEMBER 2022 |
| 10. | PENOLONG PEGAWAI PELANCONGAN C.2-3 EB.4 (BAHAGIAN III) 2022/OCT/31 | JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN | 01 | 7(A) | 12 NOVEMBER 2022 |
| 11. | PEGAWAI II KAPAL PERIKANAN C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2022/OCT/32 | JABATAN PERIKANAN, KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN | 01 | 7(A) | 12 NOVEMBER 2022 |
| 12. | PENOLONG PEGAWAI URUSAN HAJI C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2022/OCT/34 | JABATAN URUSAN HAJI, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA | 01 | 7(A) | 12 NOVEMBER 2022 |
| 13. | TIMBALAN PEGAWAI REKOD PERUBATAN D.4 EB.5 (BAHAGIAN IV) 2022/OCT/33 | KEMENTERIAN KESIHATAN | 01 | 7(A) | 12 NOVEMBER 2022 |
| 14. | PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA D.3 EB.4 (BAHAGIAN IV) 2022/OCT/28 | PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA, KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI | 01 | 7(A) | 12 NOVEMBER 2022 |
| 15. | PENOLONG PENTADBIR C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) 2022/OCT/36 | JABATAN-JABATAN KERAJAAN | 03 | 7(A) | 14 NOVEMBER 2022 |
| 16. | PENASIHAT UNDANG-UNDANG KANAN KUMPULAN 2 (BAHAGIAN I) 2022/OCT/29 | JABATAN TENAGA, JABATAN PERDANA MENTERI | 01 | 38(A) | 14 NOVEMBER 2022 |
| 17. | PEGAWAI ARKIB KANAN B.3 (BAHAGIAN II) 2022/OCT/30 | JABATAN MUZIUM-MUZIUM, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN | 01 | 38(A) | 14 NOVEMBER 2022 |
| 18. | PEGAWAI PROJEK KANAN B.3 (BAHAGIAN II) 2022/OCT/35 | JABATANARAH PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN KERJA, KEMENTERIAN PERTAHANAN | 01 | 38(A) | 14 NOVEMBER 2022 |

PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIIKLANKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

---

**JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

PEMBATALAN TAWARAN BAGI MENJALANKAN PERUSAHAAN TERNAKAN UDANG DI TAPAK INDUSTRI TERNAKAN UDANG DI LOT 10029, KAMPUNG KERAMUT, DAERAH TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Tarikh Tutup :
1 Disember 2022
Jam 2.00 Petang

---

**KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN**

IKLAN JAWATAN KOSONG

PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 7 (A) DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI YANG BERKELAYAKAN TERMASUK PEGAWAI- PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN.

Jawatan :
PEGAWAI KESEJAHTERAAN

Bahagian : III

Tangga Gaji :
G6 (BND1,515.00 - BND2,370.00)

Kekosongan :
1 Kekosongan

Tarikh Tutup Permohonan :
16 November 2022

---

**JABATAN PERTANIAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

PEMBERITAHUAN TAWARAN

JPt / TAW / 01(A) / 2022 - 2023 :
MEMBEKAL BAJA SEBATIAN NPK 15:15:15 SEBANYAK 4,000 BEG (50KG / BEG) BAGI BANTUAN INSENTIF JABATAN.
(Yuran Tawaran : BND50.00)

JPt / TAW / 14 / 2022 - 2023 :
SUPPLY, DELIVER, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING OF ONE (1) SET COMPLETE PACKAGE OF BIOLOG MICROSTATION SYSTEM AND ACCESSORIES.
(Yuran Tawaran : BND30.00)

Tarikh Tutup :
Selasa,
22 November 2022 Tidak lewat dari jam 2.00 Petang

---

**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM

Kelas : II & III

Kategori :
KA01 - KOD BAHARU

Bilangan Tawaran :
JKR / DTS / 24 / BKTKS / 2022-T / II

Nama Projek :
KERJA-KERJA PEMBAIKAN BAGI TANAH SUSUR DAN BESI PAGAR KOMPLEKS RUMAH KEBAJIKAN BELIMBING, KG SUBOK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Yuran Tawaran :
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :
Selasa, 15 November 2022

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 29 November 2022,
Jam 2.00 Petang

---

**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

KENYATAAN BAGI MENDAPATKAN TAWARAN SEBUT HARGA

Bilangan Rujukan :
JBBSB / SH / 2022-2023 / 31 / UP

Tajuk Sebut Harga :
GENERAL REPAIR WORKS AT UNIT NO.1 BLOCK H11 MUNICIPAL DEPARTMENT HOUSING KG. SINARUBAI BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Hari, Tarikh dan Jam Tutup :
Khamis, 10 November 2022
Jam 2.00 Petang

---

**PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA**

Bilangan Tawaran :
HMSF / TDR / 06 / 2022

Tajuk Projek :
FOR SERVICE LEVEL MAINTENANCE CONTRACT AND RELATED WORKS (PACKAGE B) FOR HIS MAJESTY THE SULTAN'S FLIGHT HANGAR 1 & HANGAR 2 MECHANICAL & ELECTRICAL SYSTEM

Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak lewat
Selasa,
20 Disember 2022
Jam 2.00 Petang

## KEMENTERIAN PENDIDIKAN

### SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 197 / 2022 / 2023
[BPPA-NOV-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI SEKOLAH RENDAH HAJI TARIF DAERAH BRUNEI MUARA KEMENTERIAN PENDIDIKAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

Harga Sewa Kantin :
BND65.00

Syarat Khas :
DIBUKAKAN KHAS BAGI WARGA NEGARA DAN PENDUDUK TETAP YANG TINGGAL DAN BERALAMAT DI DAERAH BRUNEI MUARA SAHAJA

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 198 / 2022 / 2023
[BPPA-NOV-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI SEKOLAH RENDAH SULTAN OMAR ALI SAIFUDDIEN, MUARA, DAERAH BRUNEI MUARA, KEMENTERIAN PENDIDIKAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

Harga Sewa Kantin :
BND167.00

Syarat Khas :
DIBUKAKAN KHAS BAGI WARGA NEGARA DAN PENDUDUK TETAP YANG TINGGAL DAN BERALAMAT DI DAERAH BRUNEI MUARA SAHAJA

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 199 / 2022 / 2023
[BPPA-NOV-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI SEKOLAH MENENGAH MASIN DAERAH BRUNEI MUARA KEMENTERIAN PENDIDIKAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN [KANTIN BAHAGIAN BLOK 'B']

Harga Sewa Kantin :
BND713.00

Syarat Khas :
DIBUKAKAN KHAS BAGI WARGA NEGARA DAN PENDUDUK TETAP YANG TINGGAL DAN BERALAMAT DI DAERAH BRUNEI MUARA SAHAJA

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 200 / 2022 / 2023
[BPPA-NOV-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI SEKOLAH MENENGAH PENGIRAN ANAK PUTERI HAJAH MASNA JALAN UTAMA MENTIRI DAERAH BRUNEI MUARA KEMENTERIAN PENDIDIKAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN [KANTIN BAHAGIAN BLOK 'A']

Harga Sewa Kantin :
BND787.00

Syarat Khas :
DIBUKAKAN KHAS BAGI WARGA NEGARA DAN PENDUDUK TETAP YANG TINGGAL DAN BERALAMAT DI DAERAH BRUNEI MUARA SAHAJA

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 201 / 2022 / 2023
[BPPA-NOV-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI SEKOLAH MENENGAH SULTAN MUHAMMAD JAMALUL ALAM DAERAH BRUNEI MUARA KEMENTERIAN PENDIDIKAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN [KANTIN BAHAGIAN BLOK 'A']

Harga Sewa Kantin :
BND987.00

Syarat Khas :
DIBUKAKAN KHAS BAGI WARGA NEGARA DAN PENDUDUK TETAP YANG TINGGAL DAN BERALAMAT DI DAERAH BRUNEI MUARA SAHAJA

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 202 / 2022 / 2023
[BPPA-NOV-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI SEKOLAH MENENGAH SULTAN MUHAMMAD JAMALUL ALAM DAERAH BRUNEI MUARA KEMENTERIAN PENDIDIKAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN [KANTIN BAHAGIAN BLOK 'B']

Harga Sewa Kantin :
BND987.00

Syarat Khas :
DIBUKAKAN KHAS BAGI WARGA NEGARA DAN PENDUDUK TETAP YANG TINGGAL DAN BERALAMAT DI DAERAH BRUNEI MUARA SAHAJA

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 203 / 2022 / 2023
[BPPA-NOV-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI SEKOLAH MENENGAH LAMBAK KIRI DAERAH BRUNEI MUARA KEMENTERIAN PENDIDIKAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN [KANTIN BAHAGIAN BLOK 'A']

Harga Sewa Kantin :
BND630.00

Syarat Khas :
DIBUKAKAN KHAS BAGI WARGA NEGARA DAN PENDUDUK TETAP YANG TINGGAL DAN BERALAMAT DI DAERAH BRUNEI MUARA SAHAJA

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 204 / 2022 / 2023
[BPPA-NOV-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI PUSAT TINGKATAN ENAM TUTONG DAERAH TUTONG KEMENTERIAN PENDIDIKAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN [KANTIN BAHAGIAN BLOK 'A']

Harga Sewa Kantin :
BND510.00

Syarat Khas :
DIBUKAKAN KHAS BAGI WARGA NEGARA DAN PENDUDUK TETAP YANG TINGGAL DAN BERALAMAT DI DAERAH TUTONG SAHAJA

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 205 / 2022 / 2023
[BPPA-NOV-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI MAKTAB SAINS PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN, JALAN MUARA DAERAH BRUNEI MUARA KEMENTERIAN PENDIDIKAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN [KANTIN BAHAGIAN BLOK 'A']

Harga Sewa Kantin :
BND1,818.00

Syarat Khas :
DIBUKAKAN KHAS BAGI WARGA NEGARA DAN PENDUDUK TETAP YANG TINGGAL DAN BERALAMAT DI DAERAH BRUNEI MUARA SAHAJA

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 206 / 2022 / 2023
[BPPA-NOV-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI MAKTAB SAINS PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN, JALAN MUARA DAERAH BRUNEI MUARA KEMENTERIAN PENDIDIKAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN [KANTIN BAHAGIAN BLOK 'B']

Harga Sewa Kantin :
BND1,818.00

Syarat Khas :
DIBUKAKAN KHAS BAGI WARGA NEGARA DAN PENDUDUK TETAP YANG TINGGAL DAN BERALAMAT DI DAERAH BRUNEI MUARA SAHAJA

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 207 / 2022 / 2023
[BPPA-NOV-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI SEKOLAH MENENGAH PEHIN DATU SERI MAHARAJA, MENTIRI DAERAH BRUNEI MUARA KEMENTERIAN PENDIDIKAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN [KANTIN BAHAGIAN BLOK 'A']

Harga Sewa Kantin :
BND713.00

Syarat Khas :
DIBUKAKAN KHAS BAGI WARGA NEGARA DAN PENDUDUK TETAP YANG TINGGAL DAN BERALAMAT DI DAERAH BRUNEI MUARA SAHAJA

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 208 / 2022 / 2023
[BPPA-NOV-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI SEKOLAH MENENGAH PEHIN DATU SERI MAHARAJA, MENTIRI DAERAH BRUNEI MUARA KEMENTERIAN PENDIDIKAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN [KANTIN BAHAGIAN BLOK 'B']

Harga Sewa Kantin :
BND713.00

Syarat Khas :
DIBUKAKAN KHAS BAGI WARGA NEGARA DAN PENDUDUK TETAP YANG TINGGAL DAN BERALAMAT DI DAERAH BRUNEI MUARA SAHAJA

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 209 / 2022 / 2023
[BPPA-NOV-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI SEKOLAH MENENGAH LAMBAK KIRI DAERAH BRUNEI MUARA KEMENTERIAN PENDIDIKAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN [KANTIN BAHAGIAN BLOK 'B']

Harga Sewa Kantin :
BND630.00

Syarat Khas :
DIBUKAKAN KHAS BAGI WARGA NEGARA DAN PENDUDUK TETAP YANG TINGGAL DAN BERALAMAT DI DAERAH BRUNEI MUARA SAHAJA

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 210 / 2022 / 2023
[BPPA-NOV-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI SEKOLAH MENENGAH KATOK DAERAH BRUNEI MUARA KEMENTERIAN PENDIDIKAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN [KANTIN BAHAGIAN BLOK 'B']

Harga Sewa Kantin :
BND761.00

Syarat Khas :
DIBUKAKAN KHAS BAGI WARGA NEGARA DAN PENDUDUK TETAP YANG TINGGAL DAN BERALAMAT DI DAERAH BRUNEI MUARA SAHAJA

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 211 / 2022 / 2023
[BPPA-NOV-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI SEKOLAH RENDAH MUHAMMAD ALAM DAERAH BELAIT KEMENTERIAN PENDIDIKAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

Harga Sewa Kantin :
BND205.00

Syarat Khas :
DIBUKAKAN KHAS BAGI WARGA NEGARA DAN PENDUDUK TETAP YANG TINGGAL DAN BERALAMAT DI DAERAH BELAIT SAHAJA

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 212 / 2022 / 2023
[BPPA-NOV-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI SEKOLAH MENENGAH PERDANA WAZIR DAERAH BELAIT KEMENTERIAN PENDIDIKAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

Harga Sewa Kantin :
BND764.00

Syarat Khas :
DIBUKAKAN KHAS BAGI WARGA NEGARA DAN PENDUDUK TETAP YANG TINGGAL DAN BERALAMAT DI DAERAH BELAIT SAHAJA

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup dan Waktu :
19 November 2022,
Tidak lewat jam 9.00 Pagi

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MEMASANG, MENGUJI, MENTAULIAH SERTA MEMULIHARA SISTEM KAWALAN KESELAMATAN KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV) DAN SISTEM PENGGERA KESELAMATAN

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 213 / 2022 / 2023
[AKS-NOV-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MEMASANG, MENGUJI, MENTAULIAH SERTA MEMULIHARA SISTEM KAWALAN KESELAMATAN KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV) DAN SISTEM PENGGERA KESELAMATAN BAGI :

SEKOLAH RENDAH DATO MOHD YASSIN

Tempoh Perkhidmatan :
60 BULAN

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 214 / 2022 / 2023
[AKS-NOV-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MEMASANG, MENGUJI, MENTAULIAH SERTA MEMULIHARA SISTEM KAWALAN KESELAMATAN KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV) DAN SISTEM PENGGERA KESELAMATAN BAGI :

SEKOLAH RENDAH MENTIRI

Tempoh Perkhidmatan :
60 BULAN

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 215 / 2022 / 2023
[AKS-NOV-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MEMASANG, MENGUJI, MENTAULIAH SERTA MEMULIHARA SISTEM KAWALAN KESELAMATAN KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV) DAN SISTEM PENGGERA KESELAMATAN BAGI :

SEKOLAH RENDAH RIMBA I

Tempoh Perkhidmatan :
60 BULAN

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 216 / 2022 / 2023
[AKS-NOV-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MEMASANG, MENGUJI, MENTAULIAH SERTA MEMULIHARA SISTEM KAWALAN KESELAMATAN KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV) DAN SISTEM PENGGERA KESELAMATAN BAGI :

SEKOLAH RENDAH RIMBA II

Tempoh Perkhidmatan :
60 BULAN

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 217 / 2022 / 2023
[AKS-NOV-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MEMASANG, MENGUJI, MENTAULIAH SERTA MEMULIHARA SISTEM KAWALAN KESELAMATAN KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV) DAN SISTEM PENGGERA KESELAMATAN BAGI :

SEKOLAH RENDAH DATO BASIR

Tempoh Perkhidmatan :
60 BULAN

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup dan Waktu :
19 November 2022,
Tidak lewat jam
9.00 Pagi

---

**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

NOTIS SEBUT HARGA

Bilangan Sebut Harga :
RTB / K / 132 / 22 - 23

Tajuk Sebut Harga :
INSTALLATION OF NEW STAINLESS-STEEL GUTTER AND WALL FLASHING TO EXISTING ROOFING AT MAIN BUILDING, RADIO TELEVISION BRUNEI BROADCASTING COMPLEX, SUNGAI AKAR

Bilangan Sebut Harga :
RTB / K / 133 / 22 - 23

Tajuk Sebut Harga :
INSTALLATION OF NEW PEDESTRIAN WALKWAY ROOFING SYSTEM AROUND FRONT, SIDES AND BACK OF MAIN BUILDING, RADIO TELEVISION BRUNEI BROADCASTING COMPLEX, SUNGAI AKAR

Bilangan Sebut Harga :
RTB / K / 134 / 22 - 23

Tajuk Sebut Harga :
RENOVATION WORKS AT RADIO TELEVISION BRUNEI TUTONG BARRACKS NO.7, NO. 90, NO. 11B AND NO. 12 AT JALAN PENGIRAN OTHMAN AND NO. 13 AT JALAN ABDUL GHANI

Yuran Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Salinan Kertas (*Hardcopy*) :
BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu,
9 November 2022,
jam 2.00 Petang

---

**KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN**

Bilangan Tawaran :
KUPU SB / JKS (26) / 01-10 / 2022-2023

TAWARAN BAGI PENEMPATAN 'KAFETERIA' DI KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN

Tarikh Akhir Mengambil Borang Tawaran : Sabtu, 19 Rabiulawal 1444H / 15 Oktober 2022M.

Tarikh Tutup Menghantar Borang Tawaran : Rabu, 21 Rabiulakhir 1444H / 16 November 2022M, tidak lewat jam 2.00 Petang.

---

**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

TAWARAN-Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat penerbitan (*production house*) tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam untuk mengemukakan tawaran bagi tujuh (7) kerja berikut :

1. Tender No. :
RTB / 10 / 2022
PERKHIDMATAN PENERBITAN RANCANGAN-RANCANGAN BAHAGIAN BERITA DAN HAL EHWAL SEMASA, RADIO TELEVISYEN BRUNEI, DAERAH BELAIT BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN

2. Tender No. :
RTB / 11 / 2022
PERKHIDMATAN PENERBITAN RANCANGAN-RANCANGAN DOKUMENTARI, BAHAGIAN BERITA DAN HAL EHWAL SEMASA, RADIO TELEVISYEN BRUNEI BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN

3. Tender No. :
RTB / 12 / 2022
PERKHIDMATAN PENERBITAN RANCANGAN-RANCANGAN HAL EHWAL SEMASA, BAHAGIAN BERITA DAN HAL EHWAL SEMASA, RADIO TELEVISYEN BRUNEI BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN

4. Tender No. :
RTB / 13 / 2022
PERKHIDMATAN PENERBITAN RANCANGAN-RANCANGAN MAJALAH, BAHAGIAN BERITA DAN HAL EHWAL SEMASA, RADIO TELEVISYEN BRUNEI BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN

5. Tender No. :
RTB / 14 / 2022
PERKHIDMATAN PENERBITAN RANCANGAN-RANCANGAN SUKAN, BAHAGIAN BERITA DAN HAL EHWAL SEMASA, RADIO TELEVISYEN BRUNEI BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN

6. Tender No. :
RTB / 15 / 2022
PERKHIDMATAN PENERBITAN RANCANGAN-RANCANGAN BAHAGIAN BERITA DAN HAL EHWAL SEMASA, RADIO TELEVISYEN BRUNEI, DAERAH TEMBURONG BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN

7. Tender No. :
RTB / 16 / 2022
PERKHIDMATAN PENERBITAN RANCANGAN-RANCANGAN BAHAGIAN BERITA DAN HAL EHWAL SEMASA, RADIO TELEVISYEN BRUNEI, DAERAH TUTONG BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN

Bayaran Tawaran :
BND35.00
(Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Tarikh Tutup :
Selasa,
22 November 2022,
jam 2.00 Petang

---

**KEMENTERIAN KESIHATAN**

PEMBERITAHUAN TAWARAN

Bilangan Tawaran :
KK / 279 / 2022 / LAB(TC)

Tajuk Tawaran :
To Supply And Deliver Of Laboratory Elisa Test Kits With Equipment Rental For National Virology Reference Laboratory, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years Usage

Bayaran Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
KK / 283 / 2022 / PPN(TC)

Tajuk Tawaran :
Supply And Delivery Of Consumables For Department Of Dental Services (Orthodontic) For A Period Of Three (3) Years

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
KK / 284 / 2022 / SSBH

Tajuk Tawaran :
Disposal Of Clinical Waste Including Collection, Transportation And Incinerate From Suri Seri Begawan Hospital, Kuala Belait To An Off-Site Location For One (1) Year

Bayaran Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
15 November 2022
Jam 2.00 Petang

# LIBATKAN GRADUAN TVET DALAM INISIATIF PENDIGITALAN

Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Serantau SEAMEO VOCTECH




**TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan Thailand dan Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Thailand semasa sesi bergambar ramai.**

**THAILAND**, Rabu, 2 November. - Pusat Serantau SEAMEO VOCTECH (SV) mengadakan The International Conference on Digitalising and Greening TVET for Sustainable Development, baru-baru ini di Bangkok, Thailand, bersempena dengan The Centre's 33rd Governing Board Meeting (GBM).

Persidangan Antarabangsa tersebut dihadiri oleh peserta dari seluruh dunia dan disiarkan secara langsung di saluran YouTube.

Majlis perasmian persidangan tersebut turut dihadiri oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan Thailand, Dr. Pichet Popakdee dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Thailand, Tuan Yang Terutama Pengiran Haji Sahari bin Pengiran Haji Salleh.

Dr. Pichet Popakdee yang juga hadir selaku tetamu kehormat seterusnya merasmikan majlis tersebut dan menyampaikan ucapan perasmian di mana dalam ucapannya, beliau memuji pusat berkenaan dalam menarik perhatian kepada isu-isu mendesak mengenai pembangunan mampan, memetik dasar strategik serantau sedia ada yang menekankan pendigitalan dan *greening* Technical Vocational Education and Training (TVET), termasuk Thailand 4.0, Singapore's Smart Nation Initiative, Malaysia's Industry 4WRD dan Unlocking Indonesia's Digital Opportunity.

Beliau juga menyatakan bahawa inisiatif ini memerlukan usaha kolaboratif dalam kalangan pihak berkepentingan yang berkaitan untuk meningkatkan TVET dan melibatkan graduan TVET dalam inisiatif pendigitalan dan *greening.*

"TVET sebagai penyedia pendidikan dan latihan utama menyediakan tenaga kerja masa depan kita mesti berada di barisan hadapan dalam menangani isu pembangunan mampan.

"Graduan TVET mesti mempunyai *green mindset* dan *green skills.* Begitu juga, bersama industri, kerajaan mesti berupaya membangunkan ekonomi hijau, sekali gus mewujudkan pekerjaan hijau," tambahnya.

Pengarah Pusat SV, Awang Alias bin Haji Abu Bakar dalam ucapannya menggesa penyedia TVET untuk menyediakan graduan TVET dengan kecekapan digital dan *green mindset* dan untuk menyepadukan kemahiran hijau ke dalam kurikulum TVET mereka, pengajaran-pembelajaran serta penilaian.

Awang Alias menekankan bahawa usaha-usaha ini semua bertujuan ke arah penambahbaikan TVET dan dengan melahirkan graduan yang cekap, sedar dari segi sosial budaya dan berorientasikan ekonomi. TVET sudah pasti akan menyumbang ke arah pembangunan mampan di rantau ini dan seterusnya.

Sentimen yang dibuat oleh Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan Thailand dan Pengarah Pusat SV ini disahut oleh Pengarah Sekretariat SEAMEO di Thailand, Dr. Ethel Agnes P. Valenzuela yang berkongsi pengakuannya melalui ucapan yang dirakamkan.

Dr. Ethel Agnes P. Valenzuela menyatakan advokasi Sekretariat untuk memupuk minda yang mampan dan menyatakan peningkatan kepentingan kemahiran hijau untuk semua sektor dan pekerjaan.

Beliau mengulangi bagaimana pembangunan mampan meningkat dalam agenda politik dan ekonomi serta TVET sesuai untuk membekalkan permintaan ini.

Dalam ucapannya, beliau turut melahirkan rasa bangga terhadap SV kerana menjadi tuan rumah persidangan 'green' TVET secara bergantian dengan The Centre's 33rd GBM dan menyampaikan penghargaannya kepada Pejabat Suruhanjaya Pendidikan Vokasional, Thailand kerana menyokong acara tersebut.

Persidangan itu juga menyaksikan dua usaha baharu pusat yang dilancarkan iaitu Halaman Sektor Swasta di Platform Pengetahuan Serantau SEA-VET.net dengan kerjasama erat dengan GIZ-RECOTVET dan kerjasama SV dengan Kumpulan NISAI mengenai Functional English Programme for TVET Teachers in Southeast Asia.

Berikutan itu, pembentangan ucaptama telah dibuat oleh Profesor Dr. Georg Spoettl dari Universiti Bremen Jerman; Julien Magnat dari International Labour Organisation Bangkok dan Profesor Dr. Margarita Pavlova dari Pusat UNEVOC Hong Kong dan Education University of Hong Kong, bersama empat panel penceramah yang merangkumi wakil daripada sektor pendidikan, swasta dan kerajaan di rantau ini dan seterusnya.

Bagi mengakhiri perbincangan panel dan pembentangan ucaptama, Resolusi Persidangan telah dikongsi oleh Timbalan Pengarah Hal Ehwal Profesional dan Pakar Penyelidikan SV, Dr. Paryono, mengambil kira pendekatan dan amalan pendigitalan dan penghijauan TVET, yang kemudiannya meringkaskan kesimpulannya pada persidangan tersebut.

# Penyampai deklamasi puisi utamakan penghayatan




**SESI Wawancara Bersama Penggiat Seni yang diadakan secara maya.**

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 3 November. - Mendeklamasikan sebuah puisi yang baik adalah dengan mengutamakan penghayatan, sekali gus menjadikan penyampai deklamasi puisi tersebut berkualiti dan terbaik.

Awang Shamsul bin Haji Ahmad menjelaskan, penghayatan setiap bait puisi sangat ditekankan.

"Kita bukan sekadar untuk menyampaikan puisi, namun ia disampaikan agar dapat difahami dan diterima oleh penonton atau pendengar. Deklamasi puisi ini bukan sekadar persembahan tetapi ia perlu kepada cara dan juga tatatertib yang tertentu seperti nada, intonasi, mimik muka, gerak gaya dan sebagainya," ujarnya semasa sesi Wawancara Bersama Penggiat Seni yang diadakan secara maya.

Menurutnya lagi, kita perlu memahami apa penulis cuba sampaikan dalam puisi tersebut.

Beliau merupakan johan Sayembara Deklamasi Puisi Bahasa Melayu Antarabangsa 2022, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Malaysia.

Dalam sesi wawancara itu, Awang Shamsul juga mengongsikan pengalaman dan kenangan mengikuti pertandingan di luar negara termasuk berusaha mendapat bimbingan daripada pemuisi yang berpengalaman.

Malah turut memberikan beberapa tips yang berguna kepada para pengikut terutama kepada anak belia yang berminat dalam seni pengucapan puisi.

Wawancara yang dikendalikan oleh DBP melalui Bahagian Sastera dan Majalah ini diadakan secara dalam talian melalui media sosial rasmi DBP, iaitu penstriman langsung di Facebook *DBP, Brunei.* Ia diadakan bagi menyemarakkan Sambutan Hari Belia Kebangsaan 2022.

Hadir menyaksikan penstriman langsung wawancara tersebut ialah Pemangku Timbalan Pengarah, Dr. Haji Mohd. Ali bin Haji Raden; Ketua Bahagian Sastera dan Majalah, pegawai-pegawai diplomat Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Malaysia, pegawai dan kakitangan DBP, pensyarah Universiti Brunei Darussalam dan para pelayar media sosial rasmi Facebook *DBP, Brunei.*

Pada akhir sesi, Awang Shamsul mendeklamasikan sajak bertajuk 'Citra Bangsa Malaysia Baharu', hasil karya Jasni Matlani yang telah dipertandingkan dalam sayembara tersebut.

# MOVEMBER 2022 : TINGKAT KESEDARAN MENGENAI KESIHATAN LELAKI





**PENGARAH Eksekutif PJSC, Dr. Haji Mazrul Adimin bin Haji Besar bersama Dato Seri Laila Jasa Dr. Babu Sukumaran selaku Pengerusi Kempen Movember 2022 ketika merasmikan kempen berkenaan dan pada sesi bergambar ramai (atas dan kanan).**

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Haji Ariffin Mohd Noor / Morshidi**

**JERUDONG**, Rabu, 2 November. - Pengarah Pusat Kanser Brunei, Dato Seri Laila Jasa Dr. Babu Sukumaran menekankan bahawa Kempen Movember 2022 bermatlamat untuk mengubah penampilan kesihatan lelaki.

Pada majlis pelancaran kempen berkenaan yang berlangsung di Aras 2, Lobi Pusat Pakar Pantai Jerudong (Pantai Jerudong Specialist Centre-PJSC), Dato Seri Laila Jasa Dr. Babu Sukumaran yang juga selaku Pengerusi Kempen Movember 2022 dalam kata alu-aluannya antara lain menyatakan, Movember 2022 berkenaan memfokuskan kepada tiga bidang utama, iaitu kanser prostat; kanser testis; dan kesihatan mental serta pencegahan bunuh diri dengan menggunakan *moustache* sebagai simbol panduan pergerakan.

Hadir merasmikan majlis berkenaan, Pengarah Eksekutif PJSC, Dr. Haji Mazrul Adimin bin Haji Besar.

Juga hadir, kumpulan pengurusan kanan, para penaja dan rakan kongsi, pihak berkepentingan, doktor dan juga kakitangan PJSC.

Sejurus merasmikan dengan acara memotong riben, acara juga diteruskan dengan pelancaran video kompilasi Movember.

Setelah itu, tetamu kehormat majlis seterusnya menyampaikan sijil kepada para penaja dan rakan kempen berkenaan antaranya Janssen Pharmaceuticals, Medipharm Sdn. Bhd., Progresif Sdn. Bhd., Royal Brunei Airlines, Aewon Brunei dan Jab Gym.

Kempen juga turut dimeriahkan dengan beberapa petak jualan yang terdiri daripada para peniaga tempatan seperti Seven Sporks, Leaves And Loaves BN, Ayam Awang Ali, Fzz Family Kitchen, Batches Coffee and Dynamic Café sebagai tanda sokongan mereka terhadap kempen berkenaan.

Sepanjang Bulan Kesedaran Movember, cabaran secara maya yang dinamakan 24-Days Movember Run Challenge diadakan secara terbuka kepada orang ramai untuk turut sama mengambil bahagian dan memberikan perhatian kepada tujuan kempen.

Selain itu, inisiatif kempen berkenaan juga dilancarkan dari 2 November hingga 30 November untuk mengumpul derma bagi Dana Sosial Perubatan PJSC (PJSC Medical Social Fund) untuk pesakit kurang bernasib baik di PJSC.

Sebanyak 987 kes telah didiagnosis pada tahun 2020 dengan purata seramai seramai 448 adalah pesakit kanser lelaki yang merangkumi 45 peratus daripada jumlah keseluruhan.

Menurut Kementerian Kesihatan, satu daripada empat orang lelaki di negara ini, berisiko mempunyai kanser sepanjang hayat mereka.

Justeru itu, Movember 2022 yang diadakan secara tahunan berkenaan, PJSC berharap kempen berkenaan mampu memulakan perbahasan mengenai isu kesihatan lelaki serta menyuarakan sebarang pandangan mereka mengenai isu berkenaan.

# Taklimat tangani kebakaran secara teratur



**PARA pegawai dan kakitangan dari Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) pada sesi bergambar ramai pada Taklimat Pendek dan Praktikal Alat Pemadam Api, di JIS dan dikendalikan oleh Bahagian Perhubungan Awam Cawangan Operasi 'C', Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 4 November. - Seramai 68 pegawai dan kakitangan dari Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) menghadiri Taklimat Pendek dan Praktikal Alat Pemadam Api bertempat di sekolah berkenaan dan dikendalikan oleh Bahagian Perhubungan Awam Cawangan Operasi 'C', Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP).

Sebelum praktikal dijalankan, para peserta diberikan taklimat pendek mengenai pentingnya keselamatan kebakaran secara teori dan praktikal mengenai sebab dan punca berlakunya kebakaran.

Selain itu, para peserta juga diberikan penerangan akan tindakan apabila menghadapi insiden kebakaran di tempat kerja dengan membuat latihan pengosongan bangunan secara bersistematik.

Seterusnya, peserta juga didedahkan akan tatacara pengunaan alat-alat pemadam api dan selimut api dengan cara yang betul.

Pada kesempatan ini, JBP ada menyediakan program-program keselamatan seperti Taklimat Mencegah Kebakaran, Life Saver S995 dan Kursus Fire Marshal bagi mengetahui aspek-aspek keselamatan semasa menangani kecemasan serta mengetahui tatacara yang betul bagi penggunaan alat pemadam api.

Jika berlaku kecemasan, hubungi Talian Kecemasan 995 dan memberikan maklumat yang tepat.

# 50 PAIN DARAH BERJAYA DIKUMPUL



JABATAN Belia dan Sukan, Cawangan Daerah Belait dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Jabatan Makmal, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Kementerian Kesihatan semasa mengungkayahkan Kempen Derma Darah (atas dan kanan).

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed



**BELAIT**, Khamis, 3 November. - Sebagai usaha dalam memberikan kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan menderma darah yang boleh menyelamatkan banyak nyawa, Jabatan Belia dan Sukan, Cawangan Daerah Belait dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Jabatan Makmal, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Kementerian Kesihatan telah mengungkayahkan Kempen Derma Darah. Kempen berkenaan diadakan selama dua hari bagi Daerah Belait dan akan berakhir di Daerah Brunei dan Muara pada bulan Disember 2022 nanti.

Kempen yang diadakan di Dewan Kemasyarakatan Kampung Pandan, Daerah Belait berkenaan merupakan salah satu aktiviti yang diungkayahkan bersempena dengan Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-17, Tahun 2022.

Antara objektif kempen berkenaan juga antara lain membantu pihak Pusat Pendermaan Darah, Hospital RIPAS bagi keperluan menambah lagi stok darah yang ada pada masa ini.

Di samping itu, ia juga bertujuan bagi mewujudkan masyarakat yang bersatu padu dalam semua aspek dan pengendalian pelbagai kerja sosial.

Kempen berkenaan telah menerima sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai yang terdiri daripada warga Perkhidmatan Awam, sektor swasta, pasukan-pasukan beruniform, persatuan-persatuan belia dan sukan, sukarelawan, penduduk mukim dan kampung serta orang persendirian bagi sama-sama menyumbang bakti kepada masyarakat dengan melibatkan diri dalam Kempen Derma Darah selaku penderma.

Seramai 60 penderma yang mendaftar awal melalui aplikasi Bloodkad dan juga ada yang mendaftar secara *walk in*.

Pada kempen berkenaan, sebanyak 50 pain darah berjaya dikumpulkan pada hari pertama ia diadakan.

Usaha seumpama berkenaan akan diteruskan lagi di Daerah Belait untuk hari kedua pada Sabtu, 5 November 2022.

Sehubungan dengan itu, orang ramai adalah dialu-alukan untuk sama-sama hadir menderma darah bermula jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari bertempat di Dewan Kemasyarakatan, Kampung Pandan.

Kempen Derma Darah seterusnya akan diadakan di Daerah Brunei dan Muara selama dua hari pada 15 dan 17 Disember 2022 bertempat di Dewan Riadah, Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Aktiviti seumpama itu dihasratkan akan dapat diteruskan dan juga akan memberikan banyak faedah dan manfaat kepada para penderma dari segi kesihatan selain menggalakkan orang ramai untuk tampil menderma darah khususnya kepada para penderma yang baharu.

## Pendaftaran Haji 1444H / 2023M bermula 5 November

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 2 November. - Kementerian Hal Ehwal Ugama menerusi Jabatan Urusan Haji sukacita memaklumkan kepada orang ramai bahawa pendaftaran haji bagi tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi akan mula dibukakan pada Sabtu, 10 Rabiulakhir 1444H bersamaan 5 November 2022M.

Manakala tarikh tutup pendaftaran ialah pada Sabtu, 12 Rejab 1444H bersamaan 4 Februari 2023M.

Sehubungan dengan itu, orang ramai yang berhasrat untuk mendaftar bolehlah mendapatkan borang pendaftaran haji dengan harga BND2 sekeping bermula Sabtu, 10 Rabiulakhir 1444H bersamaan 5 November 2022M di Pusat-pusat Pendaftaran seperti berikut iaitu di Lantai Bawah, Bangunan Tambahan KHEU, Jalan Dewan Majlis, Berakas; Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait; Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong; dan Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Temburong.

Waktu operasi pendaftaran haji ialah Isnin hingga Khamis dan Sabtu (kecuali hari kelepasan awam) bermula jam 8.30 hingga 11.30 pagi dan 2.00 hingga 3.30 petang.

Sukacita juga dinasihatkan kepada orang ramai yang hadir mendaftar agar mematuhi garis pandu terkini yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan dalam pelbagai langkah membendung wabak COVID-19.

# Bantu tingkatkan stok bekalan darah



KEMPEN Derma Darah anjuran bersama Kementerian Kesihatan, Sim Kim Huat, Trillion dan Borneo Kopitiam.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hamzah Mohidin

**GADONG**, Rabu, 2 November. - Pusat Pendermaan Darah, Jabatan Perkhidmatan Makmal berjaya mengumpul sebanyak 129 pain darah, yang merupakan hasil daripada seramai 167 penderma.

Kempen Derma Darah anjuran bersama Kementerian Kesihatan, Sim Kim Huat, Trillion dan Borneo Kopitiam.

Acara diadakan di Borneo Kopitiam, Cawangan Gadong, bermula dari 9.00 pagi hingga 4.00 petang.

Sebelum menderma darah, para penderma terlebih dahulu perlu menjalani ujian saringan mengenai tahap kesihatan mereka dan selepas pendermaan darah dijalankan, para penderma dinasihatkan untuk meminum banyak air dan tidak boleh melakukan kerja berat dalam masa 24 jam.

Setiap individu yang berhasrat untuk menderma darah hendaklah bebas dari selesema, demam panas dan penyakit-penyakit lain, selain mempunyai berat badan sekurang-kurangnya 50 kilogram atau 110 paun serta berumur 18 tahun ke atas.

Secara tidak langsung kempen tersebut mendedahkan kepada para penderma pada aktiviti berbentuk kebajikan serta menanamkan sifat dermawan dengan cara menderma darah bagi membantu para pesakit yang memerlukan.

Pendermaan darah secara kerap dan sukarela adalah penting bagi memastikan stok bekalan darah sentiasa di tahap yang optimum dan mencukupi bagi menampung penggunaan di kesemua hospital di Negara Brunei Darussalam.



Pelita Brunei



# Mengenang jasa peladang, petani, penternak, nelayan

**Oleh : Norliah Md. Zain**
**Foto : Jabatan Penerangan**

TANGGAL 1 November telah diisytiharkan sebagai Sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan (HPPPN). Perkara tersebut telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa baginda merasmikan Ekspo Pertanian dan Agrimakanan 2009, pada 19 November 2009, di Taman Agroteknologi Brunei, Kampung Tungku.

Baginda bertitah, pengisytiharan ini dibuat adalah sebagai pengiktirafan terhadap usaha-usaha dan sumbangan para petani, peladang, penternak dan nelayan serta pengusaha pertanian di negara ini. Ini juga adalah bagi mengenang jasa-jasa para peladang, petani, penternak dan nelayan, dalam peranan mereka selaku penjana makanan bagi negara ini.

"*Sebagai pengiktirafan terhadap usaha-usaha dan sumbangan para petani, peladang, penternak dan nelayan serta pengusaha pertanian di negara ini, beta dengan sukacita mengisytiharkan, bahawa pada setiap 1 haribulan November sebagai Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan bagi Negara Brunei Darussalam. Semoga dengan pengiktirafan ini, para petani, peladang, penternak dan nelayan serta pengusaha pertanian akan meneruskan usaha murni mereka untuk membantu kerajaan dan juga membantu diri mereka sendiri*," titah baginda.

### Tema

Sempena dengan HPPPN Ke-12 tahun ini, tema adalah 'Memperkasa Produk Tambah Nilai, Pemacu Ekonomi Negara'. Ia sebagai dorongan kepada semua yang terlibat termasuk para pengusaha dalam bidang pertanian dan perikanan untuk terus melipatgandakan usaha mereka di dalam mempercepatkan pertumbuhan keluaran masing-masing, terutama sekali dengan mengadaptasikan teknologi yang bersesuaian.

Usaha tersebut adalah mustahak bagi mencapai matlamat untuk menjana perkembangan dan pertumbuhan ekonomi negara melalui Sektor Pertanian dan Perikanan. Secara kesimpulannya, tema ini adalah bertepatan dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan usaha ke arah membangun ekonomi melalui bidang yang dianggap utama, seperti bidang pertanian dan perikanan sebagai sumber makanan asasi kita.

Sektor ini perlu diberi keutamaan kerana ia akan menentukan kelangsungan kita sebagai bangsa dan negara yang merdeka serta berkemampuan bertahan bagi survivaliti bangsa dan negara.

Pada tahun ini, Sambutan HPPPN12 dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil, Membaca Doa Kesyukuran dan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah pada Selasa, 1 November 2022 di Masjid Ash-Shaliheen.

Sambutan HPPPN12 diraikan bermula 3 hingga 6 November 2022, bertempat di Dewan Muhibbah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

Pada sesi petang, 3 November 2022 berlangsung acara pembukaan rasmi bagi penyampaian anugerah khas HPPPN12 kepada para peladang, penternak, petani dan nelayan yang cemerlang dan diselajurkan pembukaan gerai jualan mini ekspo dengan pelbagai aktiviti-aktiviti, gerai jualan, pameran, seminar, jualan-jualan produk hasil pertanian dan perikanan, aktiviti harian *business-matching* dan aktiviti-aktiviti yang menyediakan hadiah untuk dimenangi. Acara ini dibukakan kepada orang ramai secara percuma.

Manakala esok, 6 November 2022 akan diadakan Majlis Penghargaan Mini Ekspo dan penyampaian hadiah bagi Pertandingan HPPPN Ke-12 yang terdiri daripada Sektor Pertanian dan Agrimakanan dan Sektor Perikanan.

### Berperanan penting

Golongan peladang, petani, penternak dan nelayan sememangnya berperanan penting dalam menjana sumber pemakanan dalam kehidupan manusia. Antara yang boleh diusahakan ialah bidang pertanian. Pertanian merupakan salah satu dari pekerjaan yang amat digalakkan dalam agama kita. Daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "*Jika datangnya Hari Kiamat sedang di tangan kamu ada benih dan mampu ditanam sebelum datangnya Kiamat, maka hendaklah kamu tanamnya*".

(Hadis Riwayat Imam Ahmad)

Dalam Wawasan Brunei 2035, antara hasrat negara ialah untuk mempelbagaikan ekonomi supaya tidak bergantung sepenuhnya pada hasil dari keluaran minyak dan gas. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Pemesyuaratan Ke-14, 2018 :

"*Bidang pertanian. Bidang ini sangatlah mendesak untuk digerakkan. Bukan bergerak ikut mood. Tetapi bergerak demi keperluan. Negara adalah sangat-sangat memerlukan.*

"*Sudah sampai masanya untuk Brunei berdikari dalam pemakanannya, hasilnya berdaya upaya untuk menyara diri sendiri dengan makanan asasi iaitu beras. Usahakan ia sampai berhasil*," demikian titah baginda.

### Pencapaian, komitmen kerajaan

Pekerjaan berkaitan dengan jaminan keselamatan makanan amat penting terutama pada ketika negara menghadapi masa-masa kritikal seperti krisis kekurangan makanan yang disebabkan oleh pergolakan politik, bencana alam, perubahan iklim, jangkitan wabak penyakit dan seumpamanya.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah bertitah sempena Hari Keputeraan baginda Ke-76 Tahun :

"*Menyentuh mengenai jaminan keselamatan makanan, sejak beberapa bulan kebelakangan ini, ketegangan geopolitik serta gangguan rangkaian perbekalan telah menjejaskan perbekalan makanan dunia. Ini sepatutnya memberi petunjuk kepada kita, bahawa negara tidak boleh untuk selama-lamanya hanya bergantung kepada perbekalan daripada luar. Namun alhamdulillah, data telah menunjukkan bahawa dari tahun 2019, sektor pemakanan di negara ini telah berkembang secara purata sebanyak 11.4 peratus. Dan dari sudut eksport pula, pada tahun 2021, nilai yang direkodkan adalah sebanyak kira-kira BND52 juta berbanding hanya BND8 juta pada lima tahun yang lalu*".

Semasa Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang lalu, ketika membentangkan Rang Belanjawan Negara bagi Tahun Kewangan 2022/2023, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menjelaskan pengeluaran dari sektor pertanian, perhutanan dan perikanan meningkat pada kadar 27.9 peratus disebabkan oleh peningkatan dari Sub-sektor Sayur-sayuran, Buah-buah dan lain-lain hasil pertanian, Sub-sektor Perikanan dan Sub-sektor Makanan Ternakan.

Yang Berhormat turut menyentuh mengenai keutamaan belanjawan kedua adalah untuk menjamin sekuriti makanan atau *food security*. Kerajaan akan terus memastikan bahawa bekalan makanan di negara ini adalah sentiasa terjamin termasuk hasrat untuk mencapai sara diri dan mengurangkan kebergantungan kepada import semata-mata.

Yang Berhormat ketika itu menambah, kadar inflasi makanan di negara ini bagi tahun 2021 adalah sebanyak 2.4 peratus. Oleh yang demikian, adalah mustahak bagi negara ini untuk terus memastikan bekalan makanan yang mencukupi dengan meningkatkan hasil keluaran makanan dalam negara ke arah meningkatkan kadar sara diri *self-sufficiency* dan mengurangkan kebergantungan kepada import.

Oleh itu bagi memastikan bekalan makanan negara adalah sentiasa terjamin termasuk untuk mencapai *self-sufficiency* beberapa usaha telah dan sedang dilaksanakan dalam meningkatkan pengeluaran dari Sektor-sektor Pertanian, Perikanan dan Ternakan.

Misalnya Syarikat PaddyCo Sdn. Bhd. dengan projek penanaman Padi Kandol telah berjaya mengembangkan keluasan ladang padi dari 8.23 hektar pada tahun 2019 kepada 48 hektar pada bulan November 2021 dan akan diperluaskan seterusnya sehingga 173 hektar pada penghujung tahun 2022 ini. Ke arah itu, sejumlah BND10 juta dengan harga rancangan BND46 juta terus disediakan bagi Projek Penanaman Padi Fasa Kedua di Kawasan Kandol Daerah Belait yang dijangka siap pada tahun 2026 dengan keluasan 500 hektar yang berpotensi untuk menyumbang sebanyak 11 peratus hingga 15 peratus tahap sara diri.

Ke arah mendukung usaha untuk meningkatkan produktiviti dan pengeluaran industri akuakultur, jelas Yang Berhormat, sejumlah BND1.9 juta dengan harga rancangan BND3.8 juta disediakan di bawah RKN-11 iaitu bagi memajukan dan membuka tapak-tapak industri akuakultur, melaksanakan Program Perkembangan Genetik dan Pembiakan Selektif Ikan bagi Meningkatkan Produktiviti Industri Akuakultur, Industri Ternakan Udang Fasa IV dan Program Meningkatkan Pengeluaran Industri Akuakultur.

Dengan adanya HPPPN ini, jelas bahawa pihak kerajaan mengikitiraf para petani, peladang, penternak dan nelayan yang selama ini memberikan sumbangan yang begitu besar kepada perekonomian dan pendapatan negara khususnya pemakanan harian. Penat lelah yang mereka curahkan amatlah berbaloi dengan adanya sambutan hari tersebut.

Baik mereka yang menjana pendapatan secara kecil-kecilan mahupun secara komersial besar-besaran, kita perlu ingat tanpa usaha gigih mereka yang berbakti kepada tanah setiap ketika, kita setentunya tidak akan dapat menikmati hasil pertanian, pemakanan, ternakan dan tangkapan ikan bagi mengisi perut rakyat dan penduduk negara ini.

# PEMBARIGAAN MAKLUMAT KESALAHAN DI BAWAH JIPK

Siaran Akhbar, Foto dan Infografik : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

| JENIS KESALAHAN | 2018 | 2019 | 2020 | 2021 | 2022 (JAN - SEPT) | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Per. 9(4) Menyalahgunakan Pas Lawatan | 68 | 110 | 54 | 21 | 9 | 262 |
| Per. 15(2) Menyalahgunakan Pas Kerja | 59 | 68 | 65 | 63 | 111 | 366 |
| Per. 15(3) Menyalahgunakan Pas Kerja (bekerja sendiri) | 45 | 44 | 46 | 24 | 17 | 176 |
| Per. 15(4) (Gagal memberikan Pekerjaan) | 56 | 45 | 72 | 72 | 34 | 279 |
| Per. 35(1) (Mensubahati melakukan Kesalahan-Kesalahan Imigresen) | 101 | 313 | 97 | 60 | 40 | 611 |
| JUMLAH ORANG | 329 | 580 | 334 | 240 | 211 | 1694 |



**BAHAGIAN Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) dalam beberapa Operasi Tumpas JIPK di dua lokasi yang berasingan di kawasan Mukim Gadong (kanan). Manakala infografik atas, JIPK juga turut menyenaraikan akan jenis-jenis kesalahan imigresen yang didapati dan direkodkan oleh pihak JIPK dalam tempoh lima tahun.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 3 November. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) dalam beberapa Operasi Tumpas JIPK di dua lokasi yang berasingan di kawasan Mukim Gadong.

Melalui operasi tersebut, telah menahan dua warganegara asing untuk siasatan lanjut kerana gagal menunjukkan dokumen yang sah.

Dalam usaha berterusan JIPK untuk membendung perkara-perkara yang berkaitan dalam penyalahgunaan Pas Imigresen, JIPK akan sentiasa membuat pemantauan dan operasi.

Dalam masa yang sama, JIPK juga turut menyenaraikan akan jenis-jenis kesalahan imigresen yang didapati dan direkodkan oleh pihak JIPK dalam tempoh lima tahun.

Dalam membarigakan maklumat kesalahan-kesalahan di bawah JIPK, pihak berkenaan ingin memperingatkan kepada orang ramai mengenai beberapa perkara iaitu mana-mana majikan yang gagal memberikan pekerjaan mengikut pas yang dikeluarkan akan dikenakan kompaun tidak melebihi BND600 sebagaimana yang di peruntukan di bawah Bab 58A(1)(a), Akta dan Peraturan Imigresen, Penggal 17.

Seterusnya, majikan juga boleh diambil tindakan dengan didakwa ke mahkamah dan jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara sehingga enam bulan dan denda sehingga BND2,000 atau kedua-duanya sekali.

Mana-mana orang yang tanpa alasan munasabah melanggar atau gagal mematuhi atau bersubahat melakukan pelanggaran atau kegagalan mematuhi sebarang peruntukan di bawah Peraturan 9 dari Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu bagi Pas Lawatan, Peraturan 11 bagi Pas Penuntut, Peraturan 15 iaitu bagi pekerja atau Peraturan 16 bagi Pas Tanggungan adalah juga menjadi satu kesalahan. Individu akan dikenakan kompaun BND600 di bawah peruntukan Bab 58A(1)(a).

Individu yang sabit kesalahan juga boleh dihukum penjara tidak lebih daripada enam bulan atau denda tidak lebih dari BND2,000 atau kedua-duanya sekali dibawah Peraturan 35(1) Peraturan-peraturan Imigresen.

Warganegara asing yang menyalahgunakan pas imigresen akan dikenakan kompaun tidak melebihi BND600 di bawah peruntukan Bab 58A(1)(a).

Warganegara asing boleh diambil tindakan pendakwaan ke mahkamah dan jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara sehingga enam bulan dan denda sehingga BND2,000 atau kedua-duanya sekali.

Bab 55(1)(e) dari Akta Imigresen, mana-mana orang menggaji atau memberikan pekerjaan kepada pesalah imigresen, boleh didakwa ke mahkamah dan bagi setiap seorang pesalah yang diberikan pekerjaan, jika sabit kesalahan boleh dihukum denda tidak kurang daripada BND3,000 dan tidak melebihi BND6,000 dan penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Bagi kesalahan kedua dan seterusnya boleh dihukum denda tidak kurang daripada BND6,000 dan tidak melebihi BND12,000 dan penjara tidak melebihi empat tahun atau kedua-duanya sekali.

Orang ramai yang mempunyai maklumat berkenaan dengan pelanggaran Pas Imigresen atau pekerjaan yang ditawarkan oleh pekerja asing bolehlah berhubung dengan JIPK menerusi talian +673 8734888 dan +673 8753888 serta maklumat mengenainya adalah dirahsiakan.




## Dihukum denda, penjara akibat miliki barang tegahan

Oleh : Nooratini Haji Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 3 November. - Akibat memiliki barang tegahan, seorang lelaki warganegara Bangladesh, dijatuhkan hukuman denda sejumlah BND5,000 atau lima bulan penjara jika gagal membayar denda berkenaan di Mahkamah Majistret, hari ini.

Lokman Hossain, berumur 47 tahun, didakwa atas satu pertuduhan, iaitu memiliki satu paket x 5 batang rokok jenis Era Premium dan juga tiga paket x 20 batang rokok jenis Era Premium.

Defendan ditangkap oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-undang, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) di kawasan Bangunan Komersial, Kampung Sengkurong, pada 13 Mac 2022, jam 11.04 pagi.

Dalam hal ini, defendan mengaku bersalah dan hukuman ke atasnya dijatuhkan oleh Majistret Syaffina bin Shahif di bawah Seksyen 146 (1) (d) Perintah Eksais, 2006.

Mahkamah turut memerintahkan agar kesemua barang yang terlibat, iaitu rokok dihukum rampas untuk dimusnahkan.

## Dihukum penjara, sebat akibat mencuri

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 2 November. - Seorang lelaki warga tempatan mengaku bersalah di Mahkamah Majistret hari ini atas lapan pertuduhan, iaitu melakukan jenayah curi dan juga khianat.

Majistret Kanan, Harnita Zelda Skinner menjatuhkan hukuman penjara selama empat tahun dan lapan bulan berserta dua kali sebatan.

Mengikut pertuduhan, defendan Mohd Dzuljalal Wal-Ikram bin Omar Ali, berusia 31 tahun, mencuri beg dari sebuah kereta yang diletakkan di Masjid Jubli Perak, Kampung Jangsak.

Kesalahan berkenaan dilakukan di Kampung Jangsak pada 3 Jun lalu, jam 3.30 petang.

Tingkap kereta berkenaan dibuka sedikit dan defendan mencapai untuk membuka kunci kereta serta mengambil beg yang tertinggal di dalam kenderaan berkenaan.

Beg berkenaan mengandungi dokumen peribadi dan wang tunai lebih daripada BND100.

Perbuatan defendan telah dirakam oleh kamera litar tertutup di masjid berkenaan.

Dalam kejadian pada 5 Februari 2022, jam 4.30 petang, defendan membaling batu ke arah sebuah kereta yang diletakkan di Pantai Tungku, memecahkan cermin belakangnya, dan menyebabkan kerosakan bernilai BND500.

Defendan kemudian mengambil sebuah beg dari dalam kereta berkenaan, dan mengambil wang tunai sejumlah BND300 di dalamnya dan melemparkan beg berkenaan bersama-sama baki kandungannya dalam perjalanan ketika melarikan diri daripada tempat kejadian.

Sementara itu, kira-kira pada tengah hari, 6 Mei 2022, defendan memandu keretanya dan meletakkan kenderaan di kawasan Tanah Perkuburan Pulau Kubu di Kampung Jerudong dan terdapat kenderaan para jemaah yang sedang mengerjakan sembahyang Jumaat.

Defendan kemudian meninjau di sekeliling kawasan berkenaan dan melihat tingkap sebuah kereta yang sedikit diturunkan, kemudian mencapai dan membuka kunci kereta berkenaan.

Defenden berjaya membawa lari beg dan mengambil wang tunai BND105 di dalam beg berkenaan dan mencampakkan beg berkenaan.

Pada jam 6.30 pagi, 30 September 2022 pula, defendan sekali lagi pergi ke Pantai Tungku dan meninjau kereta-kereta yang diletakkan di kawasan berkenaan.

Defendan melihat beberapa duit syiling pada konsol sebuah kereta dan membuka tingkapnya dengan pemutar skru. Ini menyebabkan tingkap pecah dan defendan membuka kunci kereta, mengambil duit syiling bernilai BND20 keseluruhannya, bersama beberapa harta benda lain.

Manakala itu, defendan menuju ke kawasan Tanah Perkuburan Jeluton di Kampung Jerudong pada 14 Oktober 2022, jam 9.00 pagi dan pergi ke tandas.

Defendan terserempak dengan kereta yang diletakkan dan terlihat beg lampin di dalamnya.

Defenden membuka tingkap menggunakan pemutar skru hingga menyebabkannya pecah dan mengambil beg duit dan beg lampin.

Beg duit dan beg lampin berkenaan tidak mengandungi wang tunai, lalu defendan membuangnya.

Timbalan Pendakwa Raya, Nur Hidayatul Aeny Alisah binti Haji Zullizam memaklumkan kepada mahkamah bahawa semua kejadian berkenaan telah dilaporkan kepada pihak polis oleh pemilik yang menjadi mangsa, yang membawa kepada penahanan defendan.

## Lelaki dipenjara kerana cederakan ibu, adik-beradik

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 3 November. - Seorang lelaki, warga tempatan, dijatuhkan hukuman enam bulan penjara, masing-masing di bawah Seksyen 323 Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22; Seksyen 506 Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22; dan Seksyen 426 Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22.

Hukuman dijatuhkan oleh Majistret Nur Eleana binti Dato Seri Paduka Haji Hairol Arni, di Mahkamah Majistret, bermula hari ini.

Sanj bin Awang Shahlan (Defendan), berusia 30 tahun, didakwa atas enam pertuduhan, yang menyebabkan kecederaan terhadap ibu dan adik-beradiknya sendiri.

Bagi pertuduhan pertama, di bawah Seksyen 323 Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22, pada 30 Oktober 2022, di antara jam 1.00 hingga 3.00 petang, di mana defendan ketika itu berada di rumahnya, di Kawasan Kampung Meragang, dengan sengaja menyebabkan kecederaan pada ibunya, yang berusia 56 tahun, dengan menghumban set radio kenderaan ke kepala dan kaki kanan ibunya.

Pada hari yang sama, 30 Oktober 2022, di antara jam 1.00 hingga 3.00 petang, bagi pertuduhan kedua, di bawah Seksyen 323 akta yang sama, defendan juga dengan sengaja membaling botol air ke perut kakaknya, yang berusia 35 tahun hingga menyebabkan kesakitan.

Bukan itu sahaja, defendan juga mengancam untuk membunuh kakaknya dengan menyatakan "ku bunuh kau karang", pada hari yang sama 30 Oktober 2022, di antara jam 1.00 hingga 3.00 petang, dalam pertuduhan ketiga, di bawah Seksyen 506 Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22.

Sementara itu, pertuduhan keempat pula, juga pada 30 Oktober 2022, di antara jam 1.00 hingga 3.00 petang, defendan didakwa menyebabkan kerosakan pada salah satu pintu bilik tidur di rumah tersebut, dengan jumlah di bawah BND500, yang membawa kepada kesalahan, di bawah Seksyen 426 Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22.

Kemudian, bagi pertuduhan kelima, di bawah Seksyen 323, akta yang sama, di mana defendan melakukan kesalahan, iaitu menghumban dengan sengaja satu alat besi *steel vise clamp*, yang menyebabkan kecederaan kepada kakaknya.

Di bawah Seksyen 323, akta yang sama, pertuduhan keenam, pada 30 Oktober 2022, di antara jam 1.00 petang hingga 3.00 petang, defendan juga melakukan kesalahan dengan menampar pipi kiri adik perempuannya, berusia 27 tahun, yang menyebabkan kesakitan.

Majistret Nur Eleana juga memerintahkan hukuman tambahan satu bulan penjara setelah defendan gagal membayar denda sebanyak BND1,000 hari ini dan tambahan hukuman ini menjadikan secara keseluruhan selama enam bulan penjara dijatuhkan terhadap defendan.

Dalam rekod, defendan mempunyai kesalahan sebelum ini, iaitu kesalahan mencuri dan kesalahan, di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27.

# OPERASI JKED RAMPAS PELBAGAI BARANG TEGAHAN KASTAM

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 2 November. - Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) melalui Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang menjalankan satu gerakan operasi, di Kampung Bolkiah 'B', pada Rabu, 26 Oktober 2022.

Hasil gerakan operasi tersebut, JKED berjaya merampas 1,444 karton rokok pelbagai jenis, 177 botol dan 144 tin minuman keras pelbagai jenis.

Selain daripada kes tangkapan gerakan operasi, beberapa kes tangkapan dibuat di Pos Kawalan Sungai Tujoh melibatkan dua pekerja asing, yang masing-masing berumur 24 dan 54 tahun atas kesalahan mencuba menyeludup masuk barang-barang tegahan kastam ke dalam Negara Brunei Darussalam.

Hasil pemeriksaan mendapati barang-barang tegahan kastam disembunyikan di dalam kenderaan, iaitu 66 karton rokok pelbagai jenis dan 24 botol minuman keras.

Kesemua barang terbabit dirampas dan individu-individu terlibat dibawa ke Pejabat Penguatkuasaan Undang-Undang untuk siasatan lanjut.

Orang ramai, terutamanya pemilik-pemilik syarikat di negara ini diingatkan, bahawa menjadi tanggungjawab setiap majikan untuk memastikan pekerja masing-masing mematuhi peraturan-peraturan yang berkuat kuasa pada masa ini, khususnya bagi kesalahan menyeludup serta memiliki barangan, seperti rokok, produk tembakau dan minuman keras.

Denda bagi kesalahan pertama adalah seperti berikut : i) Denda tidak kurang daripada 8 kali ganda jumlah duti eksais atau denda BND5,000, di mana amaun lebih besar; dan ii) Denda tidak melebihi 15 kali ganda jumlah duti eksais atau denda BND50,000, di mana amaun lebih besar.

Denda bagi kesalahan kedua, adalah seperti berikut : i) Denda tidak kurang daripada 20 kali ganda jumlah duti eksais atau denda BND10,000, di mana amaun lebih besar; dan ii) Denda tidak melebihi 30 kali ganda jumlah duti eksais atau denda BND100,000, di mana amaun lebih besar, penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya.

JKED ingin menasihatkan kepada orang ramai agar sentiasa mematuhi mana-mana perundangan negara ini dan menghindari daripada melakukan kegiatan-kegiatan penyeludupan atau membawa masuk dan keluar barang-barang tegahan, sekatan serta larangan kastam.

Memiliki barang-barang tegahan kastam adalah menjadi satu kesalahan, di bawah Seksyen 146, Perintah Eksais 2006.

JKED turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada orang ramai yang memberikan kerjasama dengan menyalurkan maklumat-maklumat berkaitan dengan aktiviti yang menyalahi perundangan dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh JKED.

Orang ramai dialu-alukan untuk mengongsikan maklumat berkaitan apa jua kegiatan penyeludupan barang-barang tegahan kastam atau apa jua aktiviti yang menyalahi perundangan kastam dengan menghubungi JKED menerusi talian utama JKED, +673 8714422 atau +673 8721422 atau ke Pejabat Kastam berdekatan.

Pihak JKED juga memberi jaminan, bahawa identiti setiap pemberi maklumat adalah dirahsiakan.






**ANTARA barang yang dirampas hasil gerakan operasi tersebut (kiri dan atas kanan).**




# RB mula laksanakan sistem Oracle Fusion Cloud ERP

**Siaran Akhbar : Syarikat Penerbangan Diraja Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 2 November. - Syarikat Penerbangan Diraja Brunei Sdn. Bhd. (Royal Brunei-RB) telah memilih Oracle Fusion Cloud Applications Suite untuk menyelaraskan aliran kerja kewangan dan sumber manusia (Human Resources-HR) serta meningkatkan lagi kecekapan operasi.

Dengan Perancangan Sumber Perusahaan Oracle Fusion Cloud (Oracle Fusion Cloud Enterprise Resource Planning - ERP) dan Pengurusan Modal Insan Oracle Fusion Cloud (Oracle Fusion Cloud Human Capital Management-HCM), RB telah mengautomasikan laporan perolehan untuk membayar, perakaunan, perbelanjaan pekerja, sistem kewangan dan proses untuk mengurangkan masa yang dibelanjakan untuk proses perniagaan.

Ditubuhkan pada tahun 1974, RB ialah syarikat penerbangan kebangsaan milik kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Apabila perniagaan berkembang, sistem perniagaan warisan RB menawarkan keterlihatan yang terhad kepada data pengurusan kewangan dan bakat serta mewujudkan kos operasi tambahan.

Selepas semakan kompetitif, RB memutuskan untuk menguruskan kewangan dan data HR pada satu platform dan memilih aplikasi Oracle Fusion (OF) untuk meningkatkan ketelusan dan kecekapan perniagaan.

"Dengan aplikasi OF, kami telah berjaya mengautomasikan banyak proses perniagaan yang selaras dengan perjalanan pendigitalan kami, menyediakan kecekapan dalam proses operasi kami dan mengurangkan ralat daripada cara manual melakukan sesuatu.

"Oracle sentiasa bersama kami pada setiap langkah dalam perjalanan, menyediakan sokongan pelaksanaan yang telah membantu kami mengoptimumkan proses dan memperoleh nilai sebenar dalam masa yang singkat," kata Ketua Pegawai Kewangan, RB, Nurbahriah Eliza Abdullah,

Oracle Cloud ERP telah membolehkan RB menyelaraskan proses penutupan kewangannya dan mengautomasikan tuntutan perbelanjaan untuk meningkatkan produktiviti, mengurangkan kos dan menambah baik kawalan.

Dengan Oracle Cloud HCM, RB dapat menyesuaikan pengalaman pekerja, meningkatkan keupayaan layan diri dan mengembangkan cerapan pekerja.

"Ia adalah tempoh kritikal bagi industri penerbangan kerana permintaan untuk perjalanan meningkat semula selepas satu tempoh paling tidak menentu dalam kenangan.

"Dengan aplikasi OF, RB akan dapat mengakses aliran inovasi yang berterusan dan keupayaan automasi lanjutan supaya ia boleh bertindak balas dengan cepat kepada keadaan pasaran yang berubah, perniagaannya yang terbukti pada masa hadapan dan perubahan yang melebihi kadar," jelas Naib Presiden Aplikasi, ASEAN dan Pengurus Besar CX APAC, Oracle, Jay Tuseth.

Lebih 11,000 organisasi beralih kepada aplikasi Oracle Cloud ERP dan Cloud HCM untuk menjalankan perniagaan mereka.

Oracle Cloud ERP menawarkan set komprehensif kewangan perusahaan dan keupayaan operasi, termasuk kewangan, hab perakaunan, pemerolehan, pengurusan projek, pengurusan prestasi perusahaan, pengurusan risiko, pengurusan langganan serta pengurusan dan pembuatan rantaian bekalan.

Oracle Cloud HCM menyampaikan keupayaan pasaran terkemuka untuk sumber manusia, pengurusan bakat, pengurusan tenaga kerja, senarai gaji dan platform pengalaman pekerja yang memenangi anugerah, Oracle ME.

Platform pengemaskinian sendiri berkenaan menyediakan pelanggan dengan teknologi paling maju dalam industri, memberikan organisasi keupayaan untuk membina, berinovasi, mengautomasikan, menyesuaikan diri dan memanfaatkan peluang perniagaan baharu atas permintaan.

BERITA GLOBAL

# FORUM CHINA CEO APEC 2022 TUMPUKAN KERJASAMA EKONOMI HIJAU

**BEIJING**, 4 Nov. - Forum China Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) 2022 yang dirasmikan di Beijing pada Khamis menumpukan kepada pembangunan ekonomi hijau.

Penolong Menteri Perdagangan China, Li Fei dalam ucapan perasmiannya berkata forum itu bertemakan “ke arah ekonomi hijau” bertujuan mengadakan perbincangan dan memperkasa kerjasama sama menang dalam usaha menggalakkan pertumbuhan ekonomi global selain membina bersama Asia-Pasifik yang indah.

“Pada 2012, APEC telah mengeluarkan senarai produk mesra alam dan pelbagai entiti komited untuk menghapuskan dan mengurangkan tarif terhadap produk terbabit.

“Pada 2021 pula, APEC memuktamadkan untuk menambah jumlah item dalam senarai produk mesra alam itu bagi mendorong kebebasan dan kemudahan dalam bidang perkhidmatan persekitaran sekali gus meneraju perkembangan dasar perdagangan hijau global,” kata beliau.

Menurut Li, China mengambil bahagian secara aktif dalam kerjasama APEC untuk membina rangkaian rantaian bekalan hijau dan menghapuskan rintangan perdagangan dan pelaburan hijau.

“Selain itu, China menggalakkan pengeksportan produk mesra alam yang meliputi kenderaan elektrik, menggalakkan transformasi pasaran kenderaan global ke arah rendah karbon.

“China menyokong perusahaan meningkatkan pelaburan terhadap luar negara dalam bidang ekonomi hijau, mencipta peluang pekerjaan bagi membantu rakan ekonomi mewujudkan pembangunan hijau.

“China juga mengambil bahagian secara aktif dalam kerjasama antarabangsa dan pernah memeterai memorandum persefahaman kerjasama pelaburan ekonomi hijau dengan 12 entiti yang merangkumi rakan APEC,” jelasnya.

Li menambah, China akan terus berusaha untuk mendorong pembangunan ekonomi hijau global pada masa depan.

Beliau turut mencadangkan supaya penggiat perdagangan dan industri APEC mempertingkatkan inovasi dalam bidang sains serta teknologi, di samping mendorong kerjasama industri bagi terus menggalakkan pembangunan hijau serantau. - ©BERNAMA

# UK 'tiada rancangan' pindahkan kedutaan ke Baitulmaqdis

**LONDON**, 4 Nov. - Kerajaan baharu Britain diketuai Perdana Menteri Rishi Sunak pada Khamis buat masa ini tidak mempunyai sebarang hasrat untuk memindahkan Kedutaan United Kingdom (UK) di Israel dari Tel Aviv ke Baitulmaqdis.

Idea itu disuarakan semasa kepimpinan bekas Perdana Menteri Liz Truss dan beliau mengarahkan semakan mengenai perkara itu dilakukan, lapor Agensi Anadolu.

"Ia telah disemak. Tiada rancangan untuk memindahkan kedutaan Britain," kata jurucakap kerajaan kepada pemberita.

Duta Palestin ke UK, Husam Zomlot mengucapkan terima kasih kepada pepimpinan baharu itu dan berpendapat persoalan mengenai lokasi Kedutaan UK tidak sepatutnya timbul sejak dari awal lagi.

"Kami menyeru kerajaan British memainkan peranan aktif, mengiktiraf negara Palestin, mengesahkan sokongan UK terhadap hak pelarian Palestin, mengharamkan semua barangan dan produk daripada penempatan di wilayah yang diduduki dan mengenakan sekatan terhadap syarikat yang mengaut keuntungan," katanya. - ©BERNAMA

# WHO gesa negara jiran siap siaga susulan kes Ebola meningkat di Uganda

**KAMPALA (Uganda)**, 3 Nov. - Ketua Pengarah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) Tedros Adhanom Ghebreyesus pada Rabu berkata terdapat kebimbangan mengenai penularan Ebola di Uganda susulan kes jangkitan itu semakin meningkat.

“Meskipun kes Ebola semasa dikaitkan dengan kluster yang diketahui, hakikat sebenar bahawa kes itu berlaku di kawasan berkepadatan tinggi mempunyai risiko sebenar penularan dan terdapat keperluan mendesak untuk meningkatkan kesiapsiagaan di negara berhampiran,” katanya kepada pemberita.

Tedros berkata terdapat 130 kes yang disahkan, 43 kematian dan 21 kematian mungkin disabitkan dengan penyakit itu, lapor Agensi Anadolu.

Kebimbangan tercetus susulan kemungkinan sekatan pergerakan di Kampala berikutan 17 kes telah dikesan setakat ini.

Minggu lalu, Kementerian Kesihatan Uganda mengumumkan enam kanak-kanak dari tiga sekolah di Kampala disahkan dijangkiti Ebola. Seorang daripada mereka meninggal dunia.

Pengumuman itu mencetuskan panik, dan beberapa pakar menggesa sekatan pergerakan di Kampala untuk membendung penularan.

Pegawai kesihatan menasihatkan Kementerian Pendidikan mempertimbang untuk memendekkan semester bagi sesetengah pelajar demi mengurangkan kesesakan dan meminimumkan risiko penularan.

Ibu bapa menentang langkah itu, dengan alasan menghantar anak-anak lebih awal akan meningkatkan beban kewangan kepada ibu bapa yang baharu selesai membayar yuran sekolah.

Kekurangan vaksin berlesen di Uganda dan penyebaran wabak di Kampala telah meningkatkan kebimbangan kesihatan awam.

Penyakit ini berjangkit melalui kaedah sentuhan dengan pesakit atau terdedah dengan bahan-bahan yang telah tercemar.

Gejala termasuk demam, muntah, cirit-birit, sakit otot, termasuk pendarahan dalaman dan luaran. - ©BERNAMA

# Mahkamah AS hukum penjara 20 tahun ke atas wanita Kansas Ketua Unit Daesh / ISIS

**WASHINGTON**, 2 Nov. - Mahkamah AS menjatuhkan hukuman penjara 20 tahun ke atas seorang wanita Amerika pada Selasa kerana menubuhkan dan mengetuai batalion militan Daesh / ISIS yang dianggotai wanita, untuk berperang bagi pihak kumpulan pengganas di Syria, menurut Jabatan Kehakiman.

Agensi Anadolu melaporkan Allison Fluke-Ekren, 42, mengaku bersalah pada Jun serta mengaku bersubahat untuk memberikan sokongan material atau sumber kepada organisasi pengganas asing itu.

Dia mengakui menubuhkan Khatiba Nusaybah dan melatih lebih 100 wanita dan kanak-kanak perempuan termasuk beberapa orang berusia seawal 10 tahun untuk berjuang bagi pihak Daesh / ISIS mempertahan bekas ibu kotanya Raqqah di Syria, menurut jabatan itu.

Fluke-Ekren, seorang guru terlatih dari negeri Kansas yang memeluk Islam, adalah wanita Amerika pertama yang didakwa dengan jayanya atas peranan kepimpinannya dalam kumpulan pengganas antarabangsa itu, lapornya.

Dokumen mahkamah menyebut pada 2008 Fluke-Ekren berpindah ke Mesir bersama suami keduanya, Volkan Ekren, ahli kumpulan pengganas Ansar al-Sharia yang telah meninggal dunia, sebelum berpindah ke Libya pada 2011. Pada 2012, wanita itu mengembara dari Libya ke Türkiye dan kemudian ke Syria yang berada di tengah-tengah konflik yang semakin meningkat.

Suaminya menjadi ketua Daesh / ISIS sebagai penembak tepat di Syria pada 2014, dan pada masa itu, Fluke-Ekren bercakap tentang hasratnya untuk melancarkan serangan ke atas AS, seorang saksi memberitahu mahkamah.

Pada 2016, dia dilantik untuk mengasas dan mengetuai "pusat wanita" di Raqqah, dan melatih wanita dan gadis dalam penggunaan senapang AK-47, bom tangan dan tali pinggang bunuh diri.

Khatiba Nusaybah secara rasmi memulakan operasi pada Februari 2017 apabila penguasaan wilayah Daesh / ISIS mula jatuh di Syria. Raqqah jatuh pada bulan Oktober tahun itu.

Fluke-Ekren cuba melarikan diri dan meminta seseorang untuk memberitahu keluarganya bahawa dia meninggal dunia di Syria untuk mengelak daripada ditangkap, menurut perjanjian rayuannya. Dia dibawa ke AS pada Januari selepas ditahan di Syria. - ©BERNAMA

# Oktober bulan paling panas di Perancis sejak 1945

**PARIS**, 3 Nov. - Oktober tahun ini direkodkan sebagai bulan paling panas di Perancis sejak 1945, dengan suhu purata mencecah 17.2 darjah Celsius, menurut perkhidmatan meteorologi Perancis Meteo-France pada Rabu.

Purata suhu Oktober adalah kira-kira 3.5 darjah Celsius lebih tinggi daripada biasa di seluruh negara, lapor Xinhua memetik kenyataan Meteo-France.

Perkhidmatan meterologi memaklumkan bahawa suhu purata yang direkodkan di 30 stesen cuaca di seluruh Perancis kekal di atas paras normal sejak 2 Okt.

Cuaca panas yang tidak pernah berlaku sebelum ini disertai dengan kejadian ribut petir melanda sebahagian besar negara itu pada Okt 23, hingga menyebabkan kerosakan, terutamanya di utara Perancis. - ©BERNAMA

# Musk benarkan pelabur mengakses data sulit Twitter dalam perjanjian pengambilalihan -- Laporan

**MOSCOW**, 2 Nov. - Beberapa pelabur besar asing Twitter menerima akses kepada maklumat sulit mengenai rangkaian sosial itu, kemungkinan termasuk data peribadi dan statistik kewangan penggunanya sebagai sebahagian daripada perjanjian Elon Musk untuk mengambil alih Twitter, lapor Sputnik.

Menurut The Washington Post pada Rabu yang memetik sumber, keutamaan diberikan kepada dana Binance, Arab Saudi dan Qatar, yang telah melabur sekurang-kurangnya AS$250 juta atau lebih dalam platform sosial itu.

Tindakan itu dibuat selepas Jabatan Perbendaharaan AS mula meneliti sama ada ia mempunyai alasan undang-undang untuk menjalankan siasatan berhubung pembabitan Musk dengan kerajaan dan pelabur asing, lapor akhbar itu.

Pada Isnin, Senator AS Chris Murphy menggesa panel kongres memulakan siasatan ke atas pelaburan dalam Twitter oleh Syarikat Kerajaan Arab Saudi selepas Musk memperoleh syarikat media sosial itu. Murphy berkata Amerika Syarikat perlu mengambil berat tentang pelaburan Arab Saudi dalam Twitter kerana minat mereka untuk menindas ucapan politik dan mempengaruhi politik AS.

Jutawan AS itu memuktamadkan perjanjian pemerolehan AS$44 bilion pada Jumaat lepas. Tulisannya pada Ahad menyebut "keseluruhan proses pengesahan sedang dirombak." - ©BERNAMA

# Presiden Venezuela, Colombia bertemu

**CARACAS**, 2 Nov. - Presiden Venezuela dan Colombia bertemu di sini pada Selasa, pertemuan pertama dalam tempoh beberapa tahun setelah kedua-dua negara Amerika Latin yang berjiran itu menambah baik hubungan mereka dan menggalakkan kerjasama ekonomi dan perdagangan, lapor Xinhua.

Semasa lawatan Presiden Colombia Gustavo Petro ke ibu kota Caracas - kali pertama ketua negara Colombia itu melawat Venezuela sejak 2016 - beliau mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya Nicolas Maduro.

Maduro menyambut kedatangan Petro di istana presiden Miraflores dan diberi penghormatan dan dilayan dengan muzik tradisional Colombia.

Venezuela memutuskan hubungan diplomatik dengan Colombia pada 2019 selepas kerajaan Presiden Colombia ketika itu Ivan Duque mengiktiraf ketua pembangkang Juan Guaido sebagai pemangku presiden Venezuela.

Selepas Petro menggantikan Duque, beliau memberi isyarat mengenai peralihan dalam dasar luar terhadap Venezuela, dan Caracas menyatakan kesediaannya untuk memulihkan hubungan.

Kedua-dua negara memulihkan hubungan diplomatik penuh pada akhir Ogos, membuka semula lintasan sempadan dan menghantar duta masing-masing. - ©BERNAMA

PELITA BRUNEI
ePaper Pelita Brunei
PELITA BRUNEI SUKAN

# PERLAWANAN BADMINTON ERAT PERSAHABATAN DAF, HV

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kerja Raya



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 3 November. - Bahagian Pentadbiran dan Kewangan (DAF), Jabatan Kerja Raya (JKR) telah mengadakan Perlawanan Badminton Persahabatan dengan Harmoni Veteran (HV) Pengguna Dewan Satenaga, Kampung Tanjong Nangka.

Perlawanan persahabatan berkenaan adalah sebagai persediaan DAF bagi menyertai kejohanan badminton di bawah JKR.

Selain itu, ia bertujuan untuk meningkatkan kemahiran pemain dan juga untuk aktiviti kesihatan.

Perlawanan berkenaan diadakan di Dewan Badminton JKR.

**BAHAGIAN Pentadbiran dan Kewangan (DAF), Jabatan Kerja Raya (JKR) mengadakan Perlawanan Badminton Persahabatan dengan Harmoni Veteran (HV) Pengguna Dewan Satenaga, Kampung Tanjong Nangka.**

# Perjumpaan atlet bagi Kejohanan 4th Asian Petanque 2022

Oleh : Dk. Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Ihsan Persekutuan Petanque Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 4 November. - Persekutuan Petanque Brunei Darussalam mengadakan Mesyuarat Kejohanan 4th Asian Petanque 2022 di mana kejohanan tersebut akan diadakan di Bangkok, Thailand pada 10 hingga 14 November 2022.

Mesyuarat berlangsung di Bilik Hijau Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, baru-baru ini dan dihadiri oleh wakil-wakil negara bagi kejohanan tersebut.

Pada mesyuarat tersebut, Presiden Persekutuan Petanque Brunei Darussalam, Haji Mohamad bin Penglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah telah memberikan menerangan mengenai peserta-perserta yang akan mewakili penyertaan Negara Brunei Darussalam (NBD) pada Kejohanan 4th Asian Petanque 2022 di Bangkok, Thailand dan mengikuti Kursus Arbitre dan Jurulatih Petanque ABSC sepanjang 9 hingga 14 November 2022 nanti.

Hadir bagi mewakili Mesyuarat Tahunan Asian Boules Sport Confederation pada 11 November 2022 ialah Presiden Persekutuan Petanque Brunei Darussalam.

Sementara itu, mewakili NBD ke Kejohanan 4th Asian Petanque 2022 Bangkok, Thailand pada 10 hingga 14 November 2022 ialah Pengurus Pasukan Sukan Petanque, Hajah Norhaini binti Dollah.

Manakala, atlet Triple Lelaki terdiri daripada Mazlan bin Haji Yahya, Wirna bin Haji Mohamad Yassin, Masli bin Haji Mohd. Said dan Zunaidi bin Haji Ali. Atlet Triple Perempuan pula terdiri daripada Surtini binti Haji Abidin, Mulsinah binti Haji Amran, Wedy Nurul Suzuna binti Ludin dan Norhani binti Haji Juna.

Peserta Kursus Jurulatih Petanque Antarabangsa ABSC Level 1 di Witz Hotel Bangkok pada 9 hingga 11 November 2022 terdiri daripada Hamidun bin Haji Abdul Hamid, Anuar bin Engin dan Haji Rohaininawawi @Haji Mohd. Nawawi bin Haji Nauhi.

Sementara itu, peserta Kursus Arbitre (Umpire) Antarabangsa ABSC di Witz Hotel Bangkok Thailand pada 9 hingga 11 November 2022 diwakili oleh Marhalim bin Haji Juni dan Siti Norhafilah binti Haji Arun.

Kejohanan 4th Asian Petanque 2022 merupakan anjuran Persatuan Petanque Thailand. Wakil keseluruhan bagi NBD adalah seramai 15 orang. Mesyuarat diakhiri dengan sesi bergambar ramai.



**PRESIDEN Persekutuan Petanque Brunei Darussalam, Haji Mohamad bin Penglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah pada sesi bergambar ramai pada Mesyuarat Kejohanan 4th Asian Petanque 2022, yang diadakan oleh Persekutuan Petanque Brunei Darussalam.**

## Tahukah Awda

**TAMAN** Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah dibina sekitar tahun 2004. Taman tersebut terletak di tebing Sungai Kedayan berhampiran padang Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien dan jalan menuju ke kompleks perniagaan, Kiulap. Didirikan di atas tapak berkeluasan 5 hektar, kawasan Kampung Tungkadeh. Taman tersebut dibukakan sempena Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Menaiki Takhta. Ia merupakan pesambah kekal daripada rakyat dan penduduk Daerah Brunei Muara. Dahulunya taman tersebut hanya didirikan tugu dan air pancut. Kini kawasan sekitarnya dijadikan tempat riadah dan trek joging serta dilengkapi dengan kawasan permainan kanak-kanak.

**SUMBER** : *Kenali Negara Kitani Tempat-Tempat Eksotik.*